B.U.R. 1/75.

URUSAN:

DATO RAJA DIRAJA.

Kematian Dato' Raja Diraja Mohd. Dom bin Yassin pada 31hb. Disember 1974.

(Am 6)

Kertas Minit No. BIRR - 1/75 Helai No. I

| TARIKH SURAT | BIL. | DARIPADA/KEPADA — URUSAN. (DATO' RAJA DIRAJA) |
|---|---|---|
| 1975 | | |
| 2/1 | (1) | Peg. Daerah (Pamerloman kematian) |
| 10/2 | (2) | Mustapa Otaman (Kemusykilan Perjumpaan Pemilihan Calun) |
| " | (3) | -Sama- |
| 20/2 | (4) | Othman Hj. Osman (Permohonan sebagai Calun) |
| " | (5) | Othman Orslan -sama- |
| 29/3 | (6) | Mustafa Otaman (Musykilan Perjumpaan Waris Tebat) |
| 31/3 | (7) | Dato' Perba (Nama² yg. menuntut pesaka) Lampiran: Surat Bugayah waris Chenbong + Chengkau. |
| 28/3 | (8) | Mohd. Dahan Shamsudin (Permohonan sebagai Calun) |
| 30/3 | (9) | Dato' Muda Shahabudin Hj. Azhari (Kemusykilan) |
| 4/4 | (10) | Awaludin Raufe (Permohonan sebagai Calun) |
| 7/4 | (11) | Mustapa Otaman (Kemusykilan) |
| 8/4 | (12) | Abu b Lanjong (Permohonan sebagai Calun). |
| 13/5 | (13) | Dato' Menteri / Shah Bandar / Dato' Mangku - (jemputan penyiasatan 27/5) |
| " | (14) | Dato' Perba -do- |
| " | (15) | Mustapa Otaman / Muda Shahabudin Hj. Azhari / Mohd Dahan Shamsudin (-Sama-) |
| 27/5 | (16) | Penyiasatan Pesaka DRD 27/5/75 |
| 7/6 | (17) | Mohd. Dahan Shamsudin (terima kasih atas keputusan kmd. Dato') |
| 9/6 | (18) | Mustapa s. Otaman (Kemusykilan Penyiasatan 27/5) |
| 25/6 | (19) | Asd. Manaf b Mustapha (permohonan sebagai Calun) |
| 8/7 | (20) | Paduka Hj. Otaman (Tambahan: Calun D. Raja) |
| 10/7 | (21) | Dato' Perba / D. Menteri / D. Shah Bandar / D. Mangku (Temuduga 24/7) |
| " | (22) | Dato' Perba (Temuduga 24/7) |
| " | (23) | Paduka Hj. Otaman (-do-) |
| 24/7 | (24) | Surat Pengakuan Calun-calun. |
| " | (25) | Daftar Temuduga. |
| " | (26) | Jadual perlantikan |
| 25/8 | (27) | Peg. Daerah (Jemputan Istiadat perlantikan) |
| " | (28) | Dato' Lembaga " |
| " | (28) | Dato' Perba " |
| " | (29) | Bugayah " |
| " | (29) | Peg. Penerangan " |
| " | (30) | Peg. Pej. D. Palis " |
| 6/9 | (33) | Peg. Daerah " Jemputan Jamuan |
| 29/8 | (32) | " |

Nombor Minit [illegible] Bor 1/75 Helai No. I

| TARIKH DIRAT | BIL. | DARIPADA/KEPADA — URUSAN. (DATO' RAJA BIRAJA) |
|---|---|---|
| 1975 | | |
| 2/1 | (1) | Peg. Daerah (Permaklumkan kematian) |
| 10/2 | (2) | Mustapa Otham (Kemusykilan Perjumpaan Pemilihan Calun) |
| " | (3) | -Sama- |
| 20/2 | (4) | Osman Hj. Daldan (Permohonan sebagai Calun) |
| " | (5) | Aslam Daldan -sama- |
| 24/3 | (6) | Mustapa Otham (Musykilan Perjumpaan Waris Tebat) |
| 31/3 | (7) | Dato' Perba (Nama² yg. menuntut pesaka) |
| | | Lampiran: Surat Bergabung waris Chembong & Chengkau. |
| 28/3 | (8) | Mohd. Dahan Shamsudin (Permohonan sebagai Calun) |
| 30/3 | (9) | Dato' Muda Shahabudin Hj. Azhari (Kemusykilan) |
| 10/4 | (10) | Awaluddin Rauf (Permohonan sebagai Calun) |
| 7/4 | (11) | Mustapa Otham (Kemusykilan) |
| 8/4 | (12) | Abu b Lanjong (Permohonan sebagai Calun). |
| 13/5 | (13) | Dato' Menteri / Shah Bandar / Baginda Mangkin - (Jemputan penyiasatan 27/5) |
| " | (14) | Dato' Perba -do- |
| " | (15) | Mustapa Otham / Muda Shahabudin Hj. Azhari / Mohd Dahan Shamsudin (-sama-) |
| 27/5 | (16) | Penyiasatan Pesaka DRO 27/5/75 |
| 7/6 | (17) | Mohd. Dahan Shamsudin (Terima kasih, atas keputusan Lmbl. Dato') |
| 9/6 | (18) | Mustapa s. Otham (Kemusykilan Penyiasatan 27/5) |
| 25/6 | (19) | Abd. Manaf b Mustapha (permohonan sebagai Calun) |
| 8/7 | (20) | Paduka Hj. Otham (Tambahan: Calun D. Raja) |
| 10/7 | (21) | Dato' B.s. / D. Menteri / D. Shah Bandar / D. Mangkin (Temuduga 24/7) |
| " | (22) | Dato' Perba (Temuduga 24/7) |
| " | (23) | Paduka Hj. Otham (-do-) |
| 24/7 | (24) | Surat Pengakuan Calun-calun. |
| " | (31) | Daftar Temuduga. |
| " | (32) | Jabatan perlantikan |
| 25/8 | (25) | Peg. Daerah (Jemputan balai perlantikan) |
| " | (26) | Semua D. Lembaga " |
| " | (27) | Dato' Perba " |
| " | (28) | Baginda " |
| " | (29) | Peg. Penerangan " |
| " | (30) | Peg. Pej. D. Pelita " |
| 6/9 | (33) | Peg. Daerah " Jemputan Kenduri |
| 29/8 | (34) | |

Negeri Sembilan.

(1)dlm.BUR.1/75

Warkah tulus ikhlas daripada kami Dato' Sedia Raja Haji Adnan bin Haji Ma'ah, Undang Luak Rembau di Balai Undang Rembau.

Mudah-mudahan barang diwasalkan oleh Tuhan Seru Sekolian Alam ke hadapan Yang Mulia Pegawai Daerah Rembau.

Adalah dengan dukacita kami maklumkan bahawa pada hari Selasa bersamaan 31hb.Disember,1974 Yang Mulia Dato' Raja Diraja Mohd.Dom bin Yassin, yaitu seorang daripada Orang Besar Undang telah meninggal dunia dan dikebumikan pada hari itu juga.

Maka dengan hal yang demikian inilah disampaikan supaya dipanjangkan ke pengetahuan kerajaan.

Sekianlah dimaklumkan, adanya.

( DATO' SEDIA RAJA HAJI ADNAN BIN HAJI MA'AH )
Undang Luak Rembau.

[illegible] di Balai Undang Luak Rembau,
Rembau, Negeri Sembilan.
Pada [illegible] haribulan Januari, 19[illegible].

(2)

Mustafa bin Harun,
Kg. Waris Tebat, Chembong
Rembau N.S.

Kapada.

Y.A.M. Udang Rembau,

10.2.75

Y.A.M. Datuk,

Per. Kemuskilan Perjumpaan Waris Tebat
Membincangkan memilih calun Datuk
Raja DiRaja.

Dengan segala hormatnya hamba datuk suka menguterakan perkara saperti tersebut di bawah, untuk pertimbangan Y.A.B Datuk.

2. Hamba Datuk saperti nama di atas adalah salah saorang anak buah Waris Tebat yang hadir bersama di dalam perjumpaan pada 9.2.75 yang lalu untuk membincangkan calun Datuk Raja Diraja. Di mana perjumpaan itu sangatlah tidak adil dan terkeluar daripada asas tajuk yang sabenarnya, saterusnya tidakmengikut dasar Adat.

3. Perjumpaan tersebut telah di pengurusi olih dua (2) orang, ia itu:
a. Olih Datuk Duka Hj.Harun.
b. Olih Datuk Daskara ~~Hj.Harun~~ HASHIM bin Dahalan.
Perjumpaan telah dihadiri olih anak buah Waris Tebat lelaki perempuan, dan juga orang semenda Waris Tebat.

4. Pengurusi-pengurysi telah berlaku berat sebelah dan tidak berlaku adil menjalankan mesyuarat, kerana hanya memberikan peluang kapada pehak ruangan tiga dan empat sahaja bercakap, salain dari itu memberi peluang kapada orang semenda yang tidak ada kena mengena di dalam perjumpaan adat hari itu, salain dari itu pengurusi ha-nya memberi sakali sahaja peluang bercakap kapada ruangan satu dan dua.

5. Hamba Datuk sangat lah tidak puas hati dan berasa muskil di atas parkara tersebut di atas, salain dari itu tuan pengurusi telah bersikap kuku besi dan memaksa anak-anak buah bersetuju memilih calun kapada ruangan tiga, ini sangatlah SALAH pada dasar berunding atau membahas sasuatu untukdi-kaji buruk baiknya bersama-sama.

6. Olih sebab itu perkara adat ini ada lah hak bagi tiap-tiap anak buah yang terkandung bukan keduniaan atau pun kebendaan, hamba datuk berharap supaya Y.A.B Datuk dapat memngambil perhatian supaya perlantikan dan bakal Datuk Raja Di Raja ini di berikan kapada anak buah yang hak, tidak kira miskin atau kaya tua atau muda, supaya dapat memberi panduan dan ikutan kapada anak cucu akan datang, dan supaya adat dapat berdiri teguh di tempat sebenarnya dengan tidak di pengaruhi olih mana-mana pehak.

Sakian hamba datuk dapat menerangkan dengan hati yang suci dan ikhlas untuk kepentingan bersama, hamba datuk berharap tidak mengganggu keselesaan Y.A.B Datuk, disudahi dengan ampun dan maaf.

( Mustafa bin Harun)

(3)

Mustafa bin Harun,
Kg.Waris Tebat, Chembong
Rembau N.S.

10.2.75

Kapada,
<u>Y.A.M.Udang Rembau,</u>

Y.A.M.Datuk,

Per. Kemuskilan Perjumpaan Waris Tebat Membincangkan memilih calun Datuk <u>Raja DiRaja.</u>

Dengan segala hormatnya hamba datuk suka mengutarakan perkara saperti tersebut di bawah, untuk pertimbangan Y.A.B Datuk.

2. Hamba Datuk saperti nama di atas adalah salah saorang anak buah Waris Tebat yang hadir bersama di dalam perjumpaan pada 9.2.75 yang lalu untuk membincangkan calun Datuk Raja Diraja. Di mana perjumpaan itu sangatlah tidak adil dan terkeluar daripada asas tajuk yang sabenarnya, saterusnya tidakmengikut dasar Adat.

3. Perjumpaan tersebut telah di pengurusi olih dua (2) orang, ia itu:
a. Olih Datuk Duka Hj.Harun.
b. Olih Datuk Daskara ~~Hj.Harun~~ Hashim bin Dahalan.
Perjumpaan telah dihadiri olih anak buah Waris Tebat lelaki perempuan, dan juga orang semenda Waris Tebat.

4. Pengurusi-pengurysi telah berlaku berat sebelah dan tidak berlaku adil menjalankan mesyuarat, kerana hanya memberikan peluang kapada pehak ruangan tiga dan empat sahaja bercakap, salain dari itu memberi peluang kapada orang semenda ya yang tidak ada kene mengena di dalam perjumpaan adat hari itu, salain dari itu pengurusi ha-nya memberi sakali sahaja peluang bercakap kapada ruangan satu dan dua.

5. Hamba Datuk sangat lah tidak puas hati dan berasa muskil di atas parkara tersebut di atas, salain dari itu tuan pengurusi telah bersikap kuku besi dan memaksa anak-anak buah bersetuju memilih calun kapada ruangan yang tiga, ini sangatlah pada dasar berunding atau membahas sasuatu untuk di kaji buruk baiknya bersama-sama.

6. Olih sebab itu perkara adat ini ada lah hak bagi tiap-tiap anak buah yang terkandung bukan keduniaan atau pun kebendaan, hamba datuk berharap supaya Y.A.B Datuk dapat memngambil perhatian supaya perlantikan dan bakal Datuk Raja Di Raja ini di berikan kapada anak buah yang hak, tidak kira miskin atau kaya tua atau muda, supaya dapat memberi panduan dan ikutan kapada anak cucu akan datang, dan supaya adat dapat berdiri teguh di tempat sebenarnya dengan tidak di pengaruhi olih mana-mana pehak.

Sakian hamba datuk dapat menerangkan dengan hati yang suci dan ikhlas untuk kepentingan bersama, hamba datuk berharap tidak mengganggu keselesaan Y.A.B Datuk, disudahi dengan ampun dan maaf.

(Mustafa bin Harun)

BAHAROM BIN HARUN
BAHAMAN BIN HARUN
BAHASIN BIN HARUN

Negeri Sembilan
15 FEB 1975

YA KADI YUL HAJAT

(4)

Othman bin Hj. Dahlan WT/Sjn. 4386,
Cawangan Semboyan,
Ibu Pejabat, Briged Tengah,
Pasokan Polis Hutan,
Jalan Perkeliling,
Kuala Lumpur.

20hb. Februari, 1975

Yang Teramat Mulia Dato' Undang Luak Rembau,
Balai Undang Rembau,
Negeri Sembilan.

Dato'

PERLANTIKKAN DATO RAJA DI RAJA

Mengadap kahadapan Yang Teramat Mulia Dato' Undang Luak Rembau yang beristerihat di Balai Undang Rembau mudah-mudahan dengan selamat sejahtera adanya.

Terlebih dahulu hamba Dato' memohon sembah ke bawah duli Yang Teramat Mulia Dato'.

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa adalah hamba Dato'yang nama tersebut di atas adalah saorang anak waris di Kampong Waris Chembong, Rembau Negeri Sembilan.

Hamba Dato' sukacita kiranya nama hamba Dato' dapat dimasukkan didalam senarai sebagai seorang calun untuk memasoki pemilihan ganti Dato' Raja Di Raja yang telah di kosongkan disebabkan kematian Allah Yarham Dato' Raja Di Raja Mohd Dom bin Yassin.

Sekianlah dimaklumkan hamba Dato' sudahi dengan memohon berbanyak-banyak ampun kebawah duli Yang Teramat Mulia Dato'

Yang benar,
Hamba Dato'

Othman Hj. D. Sjn. 4386
(OTHMAN BIN HJ. DAHLAN)WT/SJN 4386

Undang Rembau
24 FEB 1975
Negeri Sembilan

هاشم بن دحلان
كمڤوڠ ڤوله سنوڠ رمبو. ن. س.
20. 3. 1975

ياقاضي الحاجات،

ورقه اخلاص يڠ ترايمة درڤد هاتي يڠ صوتيه لاݢي هنيڠ، دان جريته سلاني اد فرايدان چكراولا منجاري دان بولن. باڬي درڤد همب داتوق يڠ هيناد لاݢي ضعيف، هاشم بن حاج دحلان وارڬ ليلا ميرانچ كمڤوڠ جمبوڠ رمبو اداله دڠن سكچيڤاتڽ.

مدحة اهن بارڠ دوحلكن اوله توهن رب العالمين، افاله جواكيرانڽ داتڠ ترجمع لمجلس يڠ ترامة مليا داتوق سربارانچ انداڠ لواق رمبو يڠ براسرتحة الخير دبالي اندڠ رمبو دڠن سفنوه ٢ كلياڽ.
امين يارب العالمين

وبعده الكلام المذكور اداله همب داتوق يڠ هينا لاݢي ضعيف، معلومكن لباوه كاوس يڠ ترامة مليا انداڠ داتوق، اداله سنوڠ، فسال داتوق راج دراج، باڬيت اورڠ بسرلكند بڠنزاسة مليا انداڠ لواق رمبو، مڠبكوت ٢ منقة اورڠ يڠ تله جادي ايت ترخاص اي دالم لمڠوڠ وارڬ ليلا ميرانچ لمڠوڠ جمبوڠ، مڠبكوت كيليڤران ڤڠاهن رواڠ، مولا ٢ درڤد داتوق راج دراج حاج عبدالغاني هڠڬ سمڤاي كڤد داتوق راج دراج محمد دوم، مك دباوه اين همب داتوق ترڠكن دڠن كتلن لمورونن داتوق راج دراج اين سباڬي يڠ همب داتوق تاو درڤد اورڠ توا ٢ سنوڠ دالم لمڠيران يڠ همب داتوق سرتكن،

كتراڠن سلاسيله يڠ دسبله،

ڤاتڠ مسجد مڠاداكن انق سراي ليم اورڠ، باڬيت تيڬ لاكي ٢ دان دوا فرمڤوان، يڠ لاكي ٢ برنام حاج اباس، مودين، دان نوسيه، دان يڠ فرمڤوان برنام، باڬي بيره داتوق دان كدوا جائيه

مك باڬي بيره داتوق مڠاداكن سئورڠ انق لاكي ٢ يڠ برنام، معاسول،

دان جائيه مڠاداكن انق سراي امڤت اورڠ انق فرمڤوان، باڬيت، عائشه، مليحه، فاتحه، حميده درڤد امڤت اورڠ اينله بركمبڠ منجادي امڤت رواڠ دجمبوڠ،

اد فون يڠ مولا ٢ مميڠ فسال داتوق راج دراج اين اياله حاج اباس انق كدوا ڤاتڠ مسجد، لمبرين درڤد بمتوان انق بڠد فرتوان بسرنكرى سمبيلن دماس ايت. بيلا داتوق راج دراج حاج اباس منيڠڬل دنيا دكتيكن كڤد الله يرحم داتوق راج دراج حاج عبدالغاني، فدماس ايت اد دڠن الله يرحم داتوق سرون، مك درڤد الله يرحم داتوق راج دراج حاج عبدالغاني اينله كيليڤران فسال داتوق راج دراج ايت داتوركن ڤڠاهن درڤد رواڠ،

الله يرحم داتوق راج دراج حاج عبدالغاني رواڠن عائشه، الله يرحم داتوق راج دراج موعيد رواڠن مليحه، الله يرحم داتوق راج دراج محمد دوم رواڠن حميده، مك سكارڠ اين الله يرحم داتوق راج دراج محمد دوم سسوده منيڠڬل دنيا، مك اكن كتيبين ايت يڠ بلوم منريما اياله رواڠن فاتحه،

دڠن كتراڠن ٢ يڠ ترسبوت داتس سباڬي كات فربيلاڠن، فسال سام ٢ دجمبوڠ، سام يڠ فوتڠ دان

سام، دراسي، بيدو دانن تيدق برجاڠ هله اي كرواڠن فاتحه، تتل همب داتوق ايت ايله كريدين درڤد رواڠن فاتحه، دباوه اين همب داتوق ڽاتاكن كيڤنتاڠن دري همب داتوق؛

1. همب داتوق براوسها هندق سكالي لم فوله تاهون
2. همب داتوق تله ميندڠ فرسال بسر برلبنلوڤن دڠن بركنن مهراج جسكار،
3. همب داتوق بجوات بوانن سباڬي لووه اوكام كراجاءن تكري سمبيلن

اوله ايت دڠن ستڠڬي هارڤن، رندة لوڠ تڠڬي بواهارڤن همب داتوق كڤد بڠساون ملبا ائڠ داتوق، مڠونياكن فرسال داتوق راج دراج ايت كاڬنتي همب داتوق، لا يرتبار اله اف، همب داتوق ابرڤني دڠن سمبه سرت حرمة تعظيم. ادانث.

بڤڠيت
همب داتوق يڠ ضعيف

هاشيم بن حاج دحلان



مودين
حليمه
فاطمه
حميده

Mustapha bin Harun
Kg.Waris Tebat,Cembong
d/aPusat Kesihatan(Rembau)
Astana Raja.
29hb.Mac 1975

(6)

Kapada,
Y.A.M UNDANG DATUK

Per:MUSKILAN PERJUMPAAN WARIS TEBAT

Membincangkan kebulatan menegakan pesaka DATUK RAJA DI-RAJA kali yang kedua (2).

Dengan segala hormatnya hamba Datuk ingin sangat menerangkan perkara tersebut dibawah ini,untuk pertimbangan Y,A.M. UNDANG DATUK.

Hamba Datuk yang nama diatas ada lah saorang anak buah Waris Tebat yang hadir bersama didalam perjumpaan pada 23.3.1975 yang lalu untuk membincangkan kebulatan Pesaka Datuk Raja Di-Raja,Pada hari itu Hamba Datuk sangat lah tidak puas hati tentang pendirian Adat yang telah diputuskan olih DATUK LEMBAGA kita ialah DATUK PERBA tidak kena tempat letaknya luang-luangan nya dan gilirannya mengikut aturan nya antara 1,2,3 dan 4.

JAWIYAH
Satu ibu jadikan 4 luang

| RAINAH | HALIJAH | PATIYAH | HAMIDAH |
|---|---|---|---|
| (1) | (2) | (3) | (4) |

Luangan yang pertama ialah Rainah disandang olih DATUK RAJA ABD.GHANI DI-RAJA.

Luangan yang kedua ailah Halijah disandang olih DATUK RAJA MEED BIN PERAL DI-RAJA.

Luangan yang ketiga ialah Patiyah kosong telah tinggal.

Luangan yang keempat ialah Hamidah disandang olih DATUK RAJA MD DUM DI-RAJA.

Datuk RAJA MD DUM DI-RAJA yang telah sudah meninggal dunia pada 31.12.1974 dari luangan yang keempat (4).Disini hamba Datuk menerangkan kepada Y.A.M UNDANG DATUK.Mengikut segi Adat dan perbilangan Adat ,Adat sudah bertentu, bilang sama diatur,Adat berjalan lurus menuju pada matlamatnya,dan lagi naik berjenjangturun bertangga,dari hujung bawa kepangkal ,dari pangkal bawa kehujung

Pada hari itu hamba Datuk ialah dari luangan yang pertama(1)berpandukan perkataan ini,tetapi tidak diperdulikan olih DATUK LEMBAGA DATUK PERBA dan luangan yang kedua (2) menentang hebat kepada DATUK PERBA mengatakan luangan ketiga ini (3),tidak bolih menggambil pesaka DATUK RAJA DI-RAJA ini kerana telah tinggal sebab-sebab nya hutang belum dibayar lagi,dan lagi mengata-ngatakan tidbolih menggambil menyandan pesaka DATUK RAJA DI-RAJA besar lingkungan DATUK-UNDANG ini .

Dan luangan ketiga ini (3),Yang pertama kesalahan yang besar pada Melanggar Adat DATUK PEDUKA MENTERI BADOR menembak diri sendiri bermaana membunoh diri sendiri .Yang kedua kesalahan nya nikah kahwin satu Waris antara adik - beradik sepupu.Kesalahan yang ketiga satu ibi sudah cerai tolak tiga ,sudah pergi balik nikah semula cara mengupah saorang tua layau ,dan Awaluddin sendiri - pon buat macam ibu nya yang tersebut diatas cerai tolak tiga cara mengupah dengan cina buta ada lagi sekarang.Dan lagi DATUK MUDA ABU menyandang besar lingkungan Buapak pun kena pecat olih DATUK UNDANG SULONG MIAH dan ada lagi orang nya sekarang masih hidup lagi,tetapi tidak lah dihiraukan olih DATU LEMBAGA DATUK PERBA dan DATUK PERBA sendiri menentang anak buah luangan yang kedua (2). Perbahasan tentang perkara ini mengata ngatakan tidak ada pekara ini tercatit dibuku dibalai undang.Perkara ini,selepas itu perbahasan sudah ditutup selama dua puloh minit DATUK LEMBAGA DATUK PERBA sendiri memberi ucapan kepada anak buah waris semua memutuskan pesaka DATUK RAJA DI-RAJA ini dijatuhkan kelungan yang ketiga(3),dan diubahkan yang ketiga jadikan keempat(4),jadi hamba Datuk tidak puas hati tidak setuju pekara ini pantang nenek moyang dulu-dulu diubahkan dan dijual beli.Sekian lah hamba Datuk dapat menerangkan dengan hati yang suci dan ikhlas ikhlas untuk kepentingan bersama-sama ,hamba Datuk berharap tidak menggangu kelesaan Yang Mulia UNDANG DATUK LUAK REMBAU dan disudahi ampun dan maaf jua.

Hamba Datuk yang menurut perintah,

..........................
(MUSTAPHA BIN HARUN)

GELERA DATO' RAJA - DI-RAJA KG. CHEMBONG.




Dato' PERBA.

[signature]

31. 3. 1975.

Yang mulia,
Datuk Perba.

Giliran Pesaka Datuk Raja Di-Raja,
Waris Cembong.

Datuk,

Di-maklumkan, pada 9-2-1975, saya Buapak, waris Cembong, Jaskara dan Datuk Muda, Besar Berlingkungan, serta Anak buah, Ina, muda besar dan kecil, berkumpul di-Seran Jelapak, waris Cembong kerana, menengok dan mencari giliran Pesaka Datuk Raja Di-Raja yang telah kosong itu.

Apa bila berbincang dengan panjang lebar yang mengikut Adat usa di-pakai, yang berturas berlandasan, di-dapati mencari giliran Pesaka Datuk Raja di-Raja, tidak-lah dapat bulat-nya waris waris Cembong yang hadzir pada hari itu, dan pehak waris2 Cembong bersetuju perkara ini di-panjangkan kepada Datuk untuk menengok dan mencari giliran Datuk Raja di-Raja yang telah kosong itu.

Sekian-lah pendapatan saya, serta Besar berlingkungan waris Cembong dan menurun-kan tanda tangan di-bawah ini.

(1) Jaskara
[signature]

(2) Datuk Muda
[signature]

Buapak Waris Cembong, dan chengkai
Haji Harun
15-2-1975

(8)

Kementerian Tanah dan Galian
Tingkat 13, Wisma Keramat,
Jalan Gurney,
Kuala Lumpur. 15-01

28hb. Mac, 1975

Yang Teramat Mulia,
Datok Undang Luak Rembau,
Datok Sedia Raja Haji Adnan bin Maah.

Y.T.M. Undang Datuk,

Rayuan dari Luang Ke 2
mengenai Pemilihan Bakal Datok
Raja Di Raja bagi menggantikan tempat
yang dikosongkan oleh Allahyarham
Datok Raja Di Raja Mohd Dom b. Mohd Yassin

Adalah Hamba Datok dengan penoh hormatnya menyembah kebawah Undang Datok mengenai perkara diatas dan sukalah membentangkan beberapa perkara.

Terlebih dahulu izinkanlah Hamba Datok memperkenalkan diri Hamba Datok. Hamba Datok bernama Mohd Dahan b. Shamsudin, dari suku Biduanda, carak Lela Maharaja iaitu cucuanda saudara kepada Allahyarham Datok Raja Di Raja Muid bin Peral.

Sebagaimana yang Undang Datok maklum, anak-anak waris Chembong mengandongi empat luang yang masih berketurunan hasil zuriat dari Nenda Tiaman dan Tiamin iaitu:-

| | | | |
|---|---|---|---|
| Luang 1 | - | Rainah ) | mengikut susunan adik beradik, yang tua terdahulu dan yang kecil kemudian. |
| Luang 2 | - | Khatijah ) | |
| Luang 3 | - | Batiyah ) | |
| Luang 4 | - | Hamidah ) | |

Sebelum dari ini, menurut apa yang Hamba Datok fahamkan dari orang-orang tua di telapak Chembong ini, perlantikan ke Pesaka Datuk Raja di Raja ini dijalankan mengikut asas susunan yang terdapat diatas. Contohnya adalah seperti berikut:

a) Datok Raja I ialah Allahyarham D.R.D.R. Haji Abd. Ghani adalah dari luang I

b) Datok Raja II ialah Allahyarham D.R.D.R. Muid b. Peral adalah dari luang II

c) Datok Raja III ialah Allahyarham D.R.D.R. Mohd Dom b. Yassin adalah dari luang IV

Berikutan dengan kekosongan itu, dua sidang telah diadakan di telapak anak-anak waris Chembong pada 9hb. Februari, 1975 dan 23hb. Mac, 1975 yang lepas. Hamba Datok juga telah mengikuti dengan penoh minat kedua-dua sidang yang bertujuan untuk mencari kebulatan hati dan muafakat dikalangan anak-anak waris Chembong dalam mencari dan mengganti penyandang jawatan Yang Mulia Datok Raja Di Raja, Besar Lingkongan Datok Undang itu. Sidang yang kedua telah dipengerusikan Datok Purba, Lembaga Warith; diadakan berikutan dengan gagalnya sidang yang pertama.

Beberapa masaalah telah timbul. Ahli-ahli atau waris dari Luang Ketiga menuntut giliran supaya hak mereka dikembalikan. Ini mendapat sokongan dari Luang Keempat yang ahlinya baharu sahaja meninggal. Luang satu sebaliknya menentang cadangan Luang Ketiga itu. Kerana menurut mereka, "Turun berjinjang, naik bertangga. Membilang dari satu, mengaji dari alif. Sesat di hujung jalan, balik ke pangkal jalan".

Sementara Luang Kedua pula, menentang dengan hebatnya tuntutan Luang Ketiga dan sokongan Luang Keempat keatas Luang Ketiga itu. Luang Kedua membuat bantahan berasaskan "manik-manik" atau "titik-titik hitam" dalam proses perkembangan kumpulan/Luang Ketiga itu. Manik-manik atau perbuatan-perbuatan itu adalah sangat bertentangan dengan nilai keluhuran Adat Perpateh yang kita pegang dan Hukum Syarak yang kita anuti. Manik-manik itu diantaranya ialah:

(1) <u>Berbesan seperut</u>

Ini terang-terang merupakan satu perbuatan yang bertentangan disisi Adat Perpateh.

(2) <u>Membunuh diri</u> (perbuatan ini dilakukan oleh Allahyarham Datok Padukan Bador dari Luang Ketiga)

Hamba Datok rasa ini adalah perbuatan yang menyalahi hukum adat dan haram disisi Ugama Islam.

(3) <u>Derhaka</u> (terjadi pada masa naungan Yang Teramat Mulia Allahyarham Datok Lela Maharaja Haji Ipap)

....3/-

Hamba Datok berasa teramat kesal keatas "manik-manik" yang tersebut diatas. Disamping itu juga Hamba Datok telah bertanya kepada orang tua-tua, kerana Hamba Datok masih mentah dalam perkara ini, kebenaran terjadinya manik-manik itu. Hamba Datok masih setahun jagong, darah baru sitampok pinang. Oleh kerana itu, "kecil bertanya yang besar, besar bertanya yang tua, tua bertanya yang ada". Hamba Datok juga telah bertanya kepada orang Semenda yang tua-tua di Chembong ini akan hal ini. Semua mereka mengatakan manik-manik yang dilakukan oleh Luang Ketiga itu adalah BENAR dan telah diketahui umum secara RESMI.

Apa yang menjadi keraguan dan tanda tanya Hamba Datok ialah pengumuman dan penafian oleh Yang Mulia Dato Purba, Lembaga Waris sendiri dihadapan majlis 23hb. Mac, 1975 yang lalu; tentang adanya berlaku manik-manik yang diperdebatkan itu. Dan tidak ada tercatit dalam Buku Catitan di Balai Undang, di Rembau. Kenyataan ini benar-benar membingungkan.

Di sini, kesempatan Hamba Datok ambil sebagai anak Biduanda tulin yang mendukung Adat Pepateh dan sekiranya benar manik-manik itu sesungguhnya dilakukan oleh ahli-ahli dari Luang Ketiga, maka Hamba Datok menentang keras setiap usaha dan langkah untuk menyerahkan sebarang pesaka ke Luang Ketiga. Perbuatan mereka sungguh terkutuk dan memalukan disamping merupakan satu penghinaan terhadap Adat Pepateh. Kejadian ini mestilah di tegah, demi kebenaran, keutuhan, keluhuran dan kesucian Adat Perpateh yang kita pesakai dari Yang Bijaksana lagi Adil Datok Perpateh nan Sebatang, "Biar mati anak jangan mati adat!" agar tidak lapok dek hujan, tak lekang dek panas .

Disamping itu juga Hamba Datok berpendapat kita diamanahkan untuk menjaga keutuhan dan keluhuran Adat Perpateh dari digugat dan dicabulkan. Sekiranya perbuatan ini dibiarkan berterusan, perlaksanaan Adat Perpateh itu akan menjadi longgar yang mana lambat-laun akan menjadi satu perkara yang kontroversil. Akibatnya sangatlah didukacitakan.

Sungguhpun demikian, yang cicir dipungut, yang tempang dipimpin; sedikit sama dirasa, banyak sama laba. Kesalahan-kesalahan boleh di maafkan setelah hutang-hutang dibayar mengikut tatacaranya. Kemudian baharulah boleh dipertimbangkan. Duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi.

Selain dari itu, Hamba Datok dengan ini bersukacita menyokong dengan kuatnya supaya giliran Datok Raja Di Raja itu diberi keutamaan kepada Luang Pertama.

Oleh hal yang demikian, besarlah harapan Hamba Datok menyembah Undang Datok agar tidak menjadi keberatan campur-tangan. Atas budibicara dan keadilan Undang Datok sahajalah dapat menentukan penyelesaian terhadap masaalah rumit ini, kerana Hamba Datok khuatir dan bimbang akan terjadinya penyelewengan dan main kayu tiga yang mana akan menghasilkan pula rasa tidak puas hati dikalangan masyarakat setempat amnya dan anak-anak waris Chembong khususnya. "Sah batal dari Lembaga, kata putus dari Undang".

Kerjasama dari Undang Datok sangatlah diharapkan disaat-saat genting ini. Hamba Datok yang cintakan kebenaran dan kedamaian menjunjung tinggi jasa baik Undang Datok itu dan Hamba Datok dahulukan dengan ucapan ribuan terimakasih. Wassallam.

Yang benar,
Hamba Datok,

(MOHD DAHAN B SHAMSUDIN)

Datok Muda,
Shahabudin Bin Hj Azahari,
Kg; Waris Chembong,
Rembau,
Negeri Sembilan.
30. 3. 1975.

Yang Amat Mulia Undang Datok.

Hamba Datok terlebih dahulu memohon maaf untok menyembahkan satu dua perkara yang mana Hamba Datok berasa kesal berhubong dengan keputusan kebulatan yang di pengurusikan oleh yang Mulia Datok Perba Lembaga Waris dua Charak, di telapak Kg; Waris Chembong pada 23.3.1975 bersamaan hari Ahad lalu.

Perkara nya ialah:-

1. Yang Mulia Datok Perba tidak meminta pendapat pendapat kaum ibu pada hal kaum ibu lah yang berhak mewarisi pusaka itu, kaum laki-laki hanya menjunjong pusaka sahaja.

2. Kaum ibu merungut kerana segala kesalahan adat-adat tidak ada tercatit di Balai Undang padahal tiap kali mencari kebulatan Pusaka tiap kali perkara salah itu di baca.

3. Yang Mulia Datok Perba membuat keputusan ia itu Luang Tiga menjadi Luang Empat dan Luang Empat menjadi Luang Tiga. Ini bertentangan dengan perbilangan Adat. Di anjaklayu di chabut mati, dudok bertentu bilang berator.

4. Beliau ada membuat syor(cadangan) ia itu pada masa akan datang Empat Luang yang ada di Chembong ini akan di jadikan satu luang sahaja dan dari mereka lah akan di lantik Pusaka Datok Raja Di Raja, Datok Perba, Datok Peduka dan lain-lain berdasarkan dengan kebolehan kelayakan dan cerdek pandai.

Bagi pendapat Hamba Datok perkara ini belum lah boleh di keluarkan di sini. Pada anggapan Hamba Datok ini adalah satu cara menakut2 kan terutama pada kaum ibu yang kurang berada miskin.

Hanya sekianlah Hamba Datok sembahkan, di akhiri dengan berbanyak ampun dan maaf.

Hamba Datok Yang Benar,

Shahabudin Bin Hj Azahari

(10)

Awaludin bin Raufe.;
Kampong Berkat Chembong
Rembau, N.Sembilan,.
4hb.April,1975.

Yang Teramat Mulia.
Undang Dato'Sedia Raja,.
Balai Undang,
Rembau. N.Sembilan.

PERKARA:-

Permohonan Bagi Menyandang Pusaka Dato'Raja Di-Raja.
(Orang Besar Yang Berempat)

Undang Dato'

Dengan hormat ta'dzim hamba Dato'memaalomkan,ada-lah hamba Dato'yang beralamat di-atas dan mempunyai kad pengenalan bernumbur 0503958,dengan ini memohon ka-bawah Undang Dato'untok menyandang PUSAKA yang tersebut di-atas.

Hamba Dato'ada-lah salah sa-orang daripada anak Waris Lela Maharaja,Kampong Chembong,Rembau,dalam ruangan yang ka-tiga (3)sabagaimana yang telah di-istikharkan oleh mulia Dato' Purba En.Ab.Aziz Lembaga bagi Waris yang dua (2) charak pada 23hb.March,1975,bersamaan pada hari ahad di-surau Telapak Kampong Chembong,Rembau,yang telah di-saksikan oleh yang Mulia Dato' Mangku Bumi Tuan Hj.Baba bin Baki,orang besar Undang, dan jua Dato'Paduka Tuan Haji Harun bin Jabir serta anak-anak buah bagi Kampong Waris Chembong,telah menetapkan gelaran bagi Dato'Raja Di-Raja jatuh pada gelaran yang belom berisi,yaitu perut PATIAH (3) maka dengan kuat kuasa pengistiharan yang Mulia Dato'Purba En.Ab.Aziz itu,berhak-lah hamba Dato'menuntut bagi menyadang perkara yang tersebut di-atas,dan di-bawah ini hamba Dato'nyatakan peribadi-peribadi hamba Dato'.

Berumor 58 tahun dan bekerja sabagai Juruteknik Tingkatan Khas,di-Pejabat Lembaga Letrik Negara,Kuala Lumpur, bahagian Perancang dan Pembenaan salama 21 tahun,sa-belom-nya memasoki Lembaga Letrik Negara,telah berkhidmat di-Jabatan Kerja Raya,Bentong,Pahang,selama 3 tahun,salepas itu hamba Dato'dipindahkan ka-Pejabat Kerja Raya Tampin dan Rembau,Negri Sembilan. sa-gabai Jurukor sa-hingga tahun 1953.

Hamba Dato'telah mulai berchuti daripada 1hb.April, 1975,dan terus bersara.

Hamba Dato'telah menyemenda di-dalam suku PAYA KUMBUH (Jajahan Darat) daripada tahun 1940 sa-hingga-lah sampai sekarang.

Sakian-lah sadikit sabanyak-nya berkenaan dengan diri hamba Dato',di-harapi dapat-lah kira-nya yang Mulia Undang Dato'bermurah hati menimbangkan permohonan hamba Dato'ini,.

Hamba Dato'sudahi dengan susunan jari yang lima ampun dan maaf serta hamba Dato'doakan kahadrat tuhan yang maha kuasa mudah-mudahan di-lanjutkan usia Undang Dato'serta Aman Damai dan kekal pemeretahan yang mulia Undang Dato'.sekali lagi hamba Dato'uchapkan teriama kaseh yang mesra dan maaf ada-nya.

Terima Kaseh.

Daripada hambaDato'yang memohon.

.........................

Musxtapa bin Harun
Kg.Waris Tebat, Chembong
Rembau.
d/a. Pusat Kesihatan
Kechil,Astana Raja,
Rembau.
1hb. April,1975.

Kepada,
Y.A.M.UNDANG DATUK,

PER: KEMUSKILAN PERJUMPAAN WARIS TEBAT PADA 23hB. MACH,1975,UNTUK MENEGAKKAN PESAKA DATUK RAJA DIRAJA KALI YANG KEDUA (2)

Dengan segala hormatnya hamba datuk ingin sangat menerangankan pekara tersebut dibawah ini untuk pertimbangan Y.A.M.Undang Datuk.

Hamba Datuk nama saperti diatas adalah saorang anak buah waris tebat,yang mana hadhir bersama didalam perjumpaan pada 23.3.1975 yang lalu untuk membincangkan kebulatan pesaka Datuk Raja DiRaja. Pada hari itu hamba datuk sangatlah tidak puas hati tentang pendirian Adat yang telah diputuskan olih Datuk Lembaga kita ya itu Datuk Perba,tidak kena letaknya luang luangannya,dan gilirannya,mengikut aturannya antara 1,2, 3, dan 4.

JAWIYAH
Satu ibu jadikan 4 luang

| Rainah | Halijah | Patiyah | Hamidah |
|---|---|---|---|
| (1) | (2) | (3) | (4) |

Luangan yang pertama ialah Rainah disandang olih Datuk Raja ABD.GHANI DIRAJA.

Luangan yang kedua ialah Halijah disandang olih Datuk Raja MUED BIN PERAL DIRAJA.

Luangan yang ketiga ialah Patiyah kosong telah tinggal.

Luangan yang keempat ialah Hamidah disandang olih Datuk Raja MD.DUM DIRAJA.

Datuk Raja MD.DUM DiRaja yang telah meninggal dunia pada 31.12.74 dari luangan yang keempat (4)

Disini hamba datuk menerangankan kepada Y.A.M.Undang Datuk ,mengikut segi Adat dan perbilangan Adat,Adat sudah bertentu,bilang sama diatur,Adat berjalan lurus menuju pada matlamatnya. Dan lagi naik berjanjang turun bertangga,dari hujung bawa kepangkal,dari pangkal bawa kehujong.

Pada hari itu hamba datuk ialah dari luangan yang pertama(1) berpandukan perkataan ini,tetapi tidak dipedulikan olih Datuk Lembaga Datuk Perba. Dan luangan kedua (2) menentang hebat kapada Datuk Perba mengatakan luangan yang ketiga (3) ini tidak bolih mengambil pesaka Datuk Raja Di Raja ini,kerana telah tinggal sebab-sebabnya hutang belum dibayar lagi. Dan lagi mengatakan yang tidak bolih mengambil menyandang pesaka Datuk Raja Di Raja besar lingkongan Datuk Undang ini.

Dari luangan yang ketiga(3),yang pertama kesalahan yang besar pada Adat Datuk Paduka Menteri Bador menembak diri sendiri bermakna membunoh diri.sendiri.

2. Kesalahannya nikah kawin satu waris antara adik beradik sepupu.

3. Kesalahan satu ibu sudah cerai talak tiga,sudah pergi balik nikah semula cara mengupah saorang tua layau,dan Awaluddin sendiri pun buat macam ibu nya yang tersebut diatas cerai talak tiga cara mengupah dengan cina buta,ada lagi sekarang. Dan lagi Datuk Muda Abu menyandang besar lingkongan Buapak pun kena pecat olih Datuk Undang Sulong Miah dan ada lagi orangnya sekarang,tetapi tidaklah dihiraukan olih Datuk

Lembaga,Datuk Perba,dan Datuk Perba sendiri menentang anak buah luangan kedua (2). Perbathan tentang pekara ini dan mengata ngatakan tidak ada pekara ini tercatit dibuku dibalai undang. Pekara ini,selepas itu perbathaan sudah ditutup,selama dua puloh minit Datuk Lembaga Datuk Perba sendiri memberi ucapan kapada anak buah waris semua menentukan dan memutuskan pesaka Datuk Raja Diraja ini dijatohkan ke luangan yang ketiga (3).Dan diubahkan yang ketiga jadikan yang keempat (4),jadi hamba Datuk tidak puas hati,tidak bersetuju pekara ini,pantang nenek moyang dulu dulu diubah dan dijual beli.

Sekianlah hamba Datuk dapat menerangkan dengan hati yang suci dan iklas untuk kepentingan bersama sama,hamba Datuk berharap tidak menganggu kelesaan Yang Amàt Mulia Undang Luak Rembau,disudahi dengan ampun dan ma'af terimakasih.

Yang ikhlas Hamba Datuk,

..........................
(Mustapha bin Harun)

سبهاݢين اوسها نجار، ترنق دغن بكراف جوريه دان
طوافعمي ماين درنتله جيهداتوء نبغولاه ساكم ابوين لنجوغ يڠ بشكل دكمڤوڠ
بركتڠ جموغ اداله دغن بكراف مڠكوغ دوكڠان.

مالمحد امى بارغدت سميكن لولاه توچي افاله كيواس واتڠ
كباوه تاوس نيتر امهدمليا اوندڠ لاوف رمبو بنجار اترلوله جالي
اوندڠ رمبوا دالم دغن بكراف تسلاه دانكليلانڠ.

## اوندڠ داتوء

دغن بكراف جرمڠ جيهداتوء مرافقكن سلديكيت سمبه
دباوه اين دغن هاونڠ يڠ فتوه اكن منداتڠ تسمڤين ڽ ستسام،
استن كمانين داتوء راج مهادوم ماري دغن ايت جيهداتوء كوچي
ادير اكن مريم جواتن ايت. جيهداتوء عمر 65 تاهون دان مريم
ملاجرن دسكوله كبغسان دكمڤوڠ دان جيهداتوء بروفرمه دالم
فوليس سلام 13 تاهون. سلفس ايت بكرج دغن DID سلام 15
تاهون، 15 تاهون دالم J.K.R. كتيك كرج اين جيهداتوء جنين
دغن كماهون سنابر.

جيهداتوء مڠهم بهوا مناك داتوء راج درڠ اين ترباكي اتس
4 جواتن (1) فروت داتوء راج حاج عبدالغاني (2) مي بايڠ فرلس (3) فروت جيهداتوء
دان (4) مهادوم بڠكلين. اتس تكوكوهن ايت ايقتناء دغن جيهداتوء
كوهن اديل اتسو ميليكن جواتن يڠ ترسبوت دغن السن فروت جيهداتوء لاكي
مريم جواتن يڠ معلوم. جيهداتوء اچوء دغن سمڤاين اڤ دوله دڤد
ترضيانڤ بسل جيهداتوء ادام.

جيهداتوء طاعه مشا

8.4.75

(13)

Negeri Sembilan.

(13)dlm.BUR.1/75

13hb.Mei,1975.

Ke majlis Yang Mulia:

Dato' Menteri Lela Perkasa Hj.Talib b Abdullah,
Kampong Tanjong Gadong - Kota;

Datô' Shah Bandar Hj.Shafie b Yeop,
Kampong Jawa - Kota;

Dato' Mangku Bumi Hj.Baba b Baki,
Kampong Berkat - Chembong,
R E M B A U

Saya disabdakan oleh ke bawah kaus Yang Teramat Mulia Dato' Sedia Raja, Dato' Hj.Adnan bin Hj. Ma'ah, Undang Luak Rembau dengan hormatnya memaklumkan iaitu Yang Mulia Dato'-dato' adalah disabdakan hadir bersama di Pejabat Balai Undang Luak Rembau pada hari Selasa 27hb.Mei,1975 pukul 10.00 pagi kerana ke bawah kaus Undang Dato' hendak menjalankan penyiasatan mengenai perkara pesaka Dato' Raja Diraja.

Hal demikianlah dimaklumkan, semoga tidak diuzurkan. Disudahi dengan ingatan selamat dan wassalam jua adanya.

Saya, dengan sabda,

( HUSEN BIN KASIM )
Setiausaha Kepada
Y.T.M. Undang Luak Rembau.

Negeri Sembilan.

(14)dlm.BUR.1/75

13hb.Mei,1975.

Yang Mulia
Dato' Perba Abdul Aziz b Hussin,
No.35 Rumah Murah Kota,
REMBAU

Dato',

Saya disabdakan oleh ke bawah kaus Yang Teramat Mulia Dato' Sedia Raja Hj.Adnan b Hj.Ma'ah, Undang Luak Rembau dengan hormatnya memaklumkan iaitu YM Dato' Perba adalah dipersilakan hadir di Pejabat ..... Balai Undang Luak Rembau pada hari Selasa 27hb.Mei,1975 pukul 10.00 pagi kerana YTM Undang Dato' hendak menyiasat perkara pesaka Dato' Raja Diraja.

Seterusnya saya disabdakan supaya dapat Dato' memberitahu Besar dan Waris yang berkenaan turut hadir pada tarikh tersebut.

Hal demikianlah, disudahi dengan ingatan selamat dan wassalam jua adanya.

Saya, dengan sabda,

( HUSEN BIN KASIM )
Setiausaha Kepada
Y.T.M. Undang Luak Rembau.

Negeri Sembilan.

(15)dlm.BUR.1/75

13hb.Mei,1975.

Encik Mustapa bin Harun,
d/a Pusat Kesihatan Kecil,
Astana Raja,
Kota,
Rembau

Muda Shahabudin bin Hj.Azhari,
Kg.Waris - Chembong,
Rembau

Encik Mohd Dahan bin Shamsudin,
Kementerian Tanah dan Galian,
Tingkat 13 - Wisma Keramat,
Jalan Gurney,
Kuala Lumpur 15-01

Saya disabdakan oleh ke bawah kaus Yang Teramat Mulia Dato' Sedia Raja, Dato' Haji Adnan bin Haji Ma'ah, Undang Luak Rembau dengan hormatnya memaklumkan iaitu surat-surat tuan yang dihantar ke pejabat ini telahpun selamat diterima serta faham. Inilah saya disabdakan mempermaklumkan selanjutnya iaitu ke bawah kaus Yang Teramat Mulia Undang Dato' mempersilakan tuan hadir di Pejabat Balai Undang Luak Rembau pada hari Selasa

...... bersamaan 27hb.Mei,1975 pukul 10.00 pagi kerana Undang Dato' hendak menjalankan penyiasatan dan memberi penerangan berhubung dengan perkara pesaka Dato' Raja Diraja.

Hal demikianlah dimaklumkan, disudahi dengan ingatan selamat dan wassalam jua adanya.

Saya, dengan sabda,

( HUSEN BIN KASIM )
Setiausaha Kepada
Y.T.M. Undang Luak Rembau.

Penjemputan Pesaka Dato' Raja Diraja di Pejabat Balai Undang Luak Rembau pada hari Selasa 27 hb. Mei, 1975.

Yang hadir:

Tandatangan:

(1) Stiy. Dato' Sedia Raja Hj. Adnan b. Hj. Maas, Und. L. R. Sem.
(2) Dato' Mentri Talib b. Abdullah
(3) " Shah Bandar Shafie b. Yeop
(4) " Mangku Bumi Hj. Baba b. Baki
(5) " Perba Abdul Aziz b. Ohsin
(6) Paduka Hj: Harun b. Jabil
(7) Bakaran bin Harun

1 Mustapha Harun
2 Ho. Mohd. Daun b. Shamsudin.
3 Mohd Yassin b. Mustapha.
4 Said bin M. Nor.
5 Abdul Manaf b. Mustapha
6 Zainuddin bin Hj: Tain
7 Awaludin bin Raufe . 0503958
8 Zaidi bin Zubari
9 SHAMSUDDIN MUSTAPHA
10 Ayub Hj. Dahlan.
11 Othman Bin Yassin
12 Hj. mustaffa bin Peral
13 D. M. Taller
14 Alias * danjong
15 Joskara Hashim bin Dahlan
16 Othman bin Hj: Dahlan.
17 Zakaria Hj Dahlan
18 M. Salif bin Peral
19 Mohd Zaki
20 Datok Ahmad Shehabudin.
21 Hj. Harun bin Hj. Jabil. (Bapak)

22. Lokman Hj Azahari

23. Rosli Musa.

24. Mohd. Azmi bin Mohd. Din,

25. Kamarul Ridzuan,

26. Hamzah Hassan.

27. Madzaki bin Ab. Ghani.

28. Ruslan bin Salleh

29. Ruslan bin Salleh

30. Bahaman bin Harun.

Penjumpaan Pesaka Dato' Raja Diraja Di Pegasat – Balai Undang Luak Rembau pada 27/5/75
Jam 10.30 pagi.

Terima kasih
Tujuan – bukan mempersoal tapi untuk mengangkan keadaan yg. sebenarnya.

(2) Dato Pesaka:
28/3/75 :– meninggal 30-12-74 hari tsb.
selamat di kebumikan – saya memerintahkan kpd. Besar cari pesaka / gelaran tempohnya 100 hari.
Waris telah sampaikan Rumpok memberitahu:
telah cari di telapak Chembong: tidak dapat menentukan.

28/3/75 Berkumpul lagi: turut hadir D.K. Rumi
Bertanya cucing Satu / Dua / Tiga / Empat · tanidat pesakaan
– bertanya jika tak puas hati – semua pertanyaan telah jawab
Kemudian menyampaikan kpd. DYM Undang Dato':
hari ini menerangkan lagi. lebih lanjut lagi:–
diharap tidak lagi perasaan tidak puas-hati.

(3) Undang Dato: selepas disahkan menerima surat2 tidak puas hati – tidak ada gunanya perkara ini ditanyakan –
Jika dibukakan ia akan lebih menimbulkan kekeruhan & perpecahan.
Telah mengkaji lebih awal dari fail th. 1946 – surat.
menyurat semasa al-marhum Dato' [illegible] Ypg.
Dgn. [illegible] fakta tiada sekendak menyeleweng atau barang sebelah – diharap begitu juga pada masa akan datang.
Asalnya waris Chembong dari suku sempurna – kemudian 4 perut / [illegible] July 1935 perjanjian:
[illegible] 29/2/47 diadakan perjumpaan jam 10.00 pagi
Hadir D. Ypg, British Resident, Peg. Jajahan Daerah Tampin, Dato Pesaka (arwah) D. Mentri L. Perkasa [illegible] – (Lihat keterangan dlm. fail)

Bresident: kedatangan tidak menjiasat (minat perjumpaan) justru hend. mengo Fatah & tidak menerima kontrakan yg. telah ditentukan. 24/2/~~75~~47...............

Dato' Pulan: diharap tidak ada lagi perselisihan yang akan ditimbulkan.

(Keputusan: jatah ke ruang III patsyah)

17

d/a Kementerian Tanah & Galian,
Tingkat 13, Wisma Keramat,
Jalan Gurney,
Kuala Lumpur.

7hb. Jun, 1975

Yang Teramat Mulia,
Dato' Undang Luak Rembau,
Dato' Sedia Raja Haji Adnan bin Haji Maah

Yang Teramat Mulia Undang Dato',

Mencari Dato' Raja Di Raja sebagai mengganti tempat yang dikosongkan oleh Allahyarham Dato' Raja Di Raja Mohd. Dom bin Yassin

Adalah saya dengan hormatnya menyembah Undang Dato' mengenai perkara di atas dan sangat berbesar hati serta bersukacita menyampai ucapan ribuan terimakasih keatas keadilan dan kebijaksanaan Undang Dato' dalam menyiasat, membuat keputusan dan meletak hak pesaka Dato' Raja Di Raja ke Luang ke III - Patiyah pada 27hb. Mei, 1975 lalu.

Sekian, Wassallam.

Hamba Dato dari
Waris Lela Maharaja,

(MOHD. DAHAN B SHAMSUDIN)

18

Mustafa bin Harun,
Waris Lela Maharaja,
Kg Cembong,
d/a Pusat Kesihatan Kecil,
Astana Raja.
Rembau.

Yang Teramat Mulia Undang Rembau.

9.6.1975

Per: Komuskilan Perjumpaan Waris Chembong Pada 27.5.75 di Balai Undang Rembau.

Sebelum rumah siap elok lah pahatbberbunyi,kalau rumah sudah siap tiada berguna lagi pahat berbunyi.

. Sebelum hamba datuk menerangkan tentang hal ini,terlebeh dahulu hamba datuk minta ampun dan maaf dari hujong rambut hingga hujung kaki, Kapada Yang Teramat Mulia Undang Datuk,kalau ada perkataan yang menyinggong perasaan diri Undang Datuk.

Dengan segala hurmat nya Yang Teramat Mulia Undang Datuk Luak Rembau. Hamba Datuk yang nama di atas ingin menyampaikan kata kata ini kapada Yang Teramat Mulia Ungang Datuk ia itu pada 27.5.75 Undang Datuk telah menjalankan Kaus Sabda penyiasatan pesaka Datuk Raja di Raja ini di Balai Undang Datuk. Pada hari itu pada diri hamba Datuk tidak lah adil kerana tidak ada lagi perbilangan adat.Semasa Undang Datuk Menjalankan Kaus Sabda kapada waris semua. Undang Datuk mengikut arahan pada zaman Undang Datuk Allahyarham Haji Ipap dan Allahyarham Datuk Raja Md Dum di Raja.

Perkara ini bukan nya betultipu buatan daripada Datuk Raja MD Dum di Raja.Untok menyusahkan akan datang anak waris luangan pertama dan luangan kedua.Pada hari itu hamba Datuk tidak puas hati dukacita pada diri hamba Datuk, tidak dapat lagi buat apa apa nak di katakan lagi terpulanglah kapada Yang Teramat Mulia Undang Datuk tentang pesaka ini.

Undang Datuk Lah yang berkuasa memutehkan dan menghitamkan dan mematikan dan menghidupkan , Pada hari itu hamba Datuk berdoa kapada Subhanahu Wataala siang dan malam lepas menunaikan sembahyang seagar nya panjang kan umur Yang Teramat Mulia Undang Datuk dan hamba Datuk kita akan berjumpa sekali lagi. Kalau di izinkan olih ALLAH kita akan menengok siapa kah dia orang yang sahh menyandang pesaka Datuk Raja di Raja.Undang Datuk tentu akan sedar tentang diri Datuk semasa merebutkan gelaran menyandang pesaka Undang Rembau ia itu mengantikan Allahyarham Datuk Undang Hj Ipap.Berapa banyak orang yang hendak menyandang pesaka ini tetapi semua nya gagal belaka.Kenapa pula Undang Datuk yang dapat menyandang pesaka undang ini.UndangDatuk sendiri tentu faham pesaka ini. Pesaka nya bulat pipeh nya melayang tina,semua orang yang punya.Pesaka ini bukan lah mencari orang yang kaya raya dan orang yang di pandang mulia, pesaka bukan lah mencari orang yang ada kerota,dan orang yang besar,dan pesaka bukan lah mencari orang yang bijak pandai tetapi tidak lah semua nya. Pesaka ini pemberian ALLAH.Pesaka nya bulat pipeh melayang tiba .Pesaka memanjat jasat dan tuboh badan rohani dan jasmani salah sa-saorang yang menpunyai sisek jasat di tuboh badan kita.Bak kata orang tua tua tuah ayam boleh di tengok,tuah maanusia ALLAh yang boleh mengetahui.Saya minta kapada yang Teramat Mulia Undang Datuk ,Undang Datuk ia lah ketua memegang teraju pemimpin adat dan meletakkan pesaka besar Datuk Raja di Raja ini,berwaspada lah hendak nya, meletakkan pasaka besar ini.

Jangan lah Undang Datuk ragu ragu,jangan lah di takut2kan ,jangan lah di bimbang bimbangkan Datuk mestilah berteguh tegak kapada adat dan berteguh kapada syarak .Perman dalam Alkuran Siratalmustakim mengikut perjalanan Syarak Ugama kita.Syarak sendikan adat.Adat sendikan syarak.

Kita ~~mestika~~ mesti takut kapada ALLAH yang satu ,yang berkuasa dalam dunia dan akhirat .Kalau kita mengikut jalan yang benar mudah2an ALLAH akan melindungi segala AKSAMIN bencana yang tidak di ingini.Hamba Datuk berharap lah Undang Datuk Ini mengikut perjalanan yang adil.

Sekian lah hamba Datuk dapat menyampaikan tentang pesaka Datuk Raja Di Raja ini,Dengan hati yang suchi dan ikhlas untok kepentingan bersama sama Hamba Datuk berharap tidak menganggu keselesaan yang Teramat Mulia Undang Datuk Luak Rembau. Di-sudahii dengan ampun dan maap terima kaseh ?

YANG IKHLAH HAMBA DATUK

9.6.1975

[signature]

HARI MENEGAKKAN PESAKA DATUK RAJA DI RAJA

DI BALAI UNDANG DATUK REMBAU 27.5.1975

Ucapan disampaikan olih luangan pertama (1)

Assalam mualaikum warah matullah hitala wabarukkatuh, Yang teramat mulia undang Datuk Luak Rambau , Yang berbahagia Datuk Perba Lembaga waris (dua) Carak, Yang berbahagia Datuk Mangku Bumi Besar Berlingkung Undang Datuk, Yang berbahagia Datuk Shah bandar Besar Berlingkung, Yang berbahagia Datuk Menteri Lela Perkasa Besar Berlingkung, Yang Mulia Datuk Paduka Menteri Buapak Waris Chengkau dan Chembong. Yang Mulia Datuk-Datuk, ibu-ibu bapa waris semua.

Pada pagihari berbahagia ini kita semua telah mengadakan Perhimpunan di Balai Undang Datuk Yang bertuah ini., ~~dengan tujuan~~ menegakkan pesaka kita iaitu"Pesaka Datuk Raja Diraja di Bahagian Waris Chembong", disini saya menerangkan kepada yang teramat mulia undang Datuk dan kepada Besar Berlingkungan yang tiga (3) iaitu Waris Chembong Berasal dari Waris Chengkau pada Tahun 1660 Pada Zaman Pemerentahan Undang Datuk Uban Puteh Kepala. Undang Datuk Yang Kelima (5) datang menurka Ka Kampong Chembong dan membawa saudaranya 7 orang 5 laki-laki , 2 orang perempuan iaitu:-

(1) Tiyaman dan Tiyamin, nyai, Mesjid, Ayat, Madsul dan Jawiyah. Daripada satu ibu Jawiyah ini mengembangkan anak perempuan 4 orang yang pertama bernama RAINAH, Yang Kedua Bernama Halijah, Yang ketiga bernama Patiyah yang keempat bernama Hamidah.

Pada tahun 1837 gelaran Pesaka Datuk Raja Diraja telah dikurniakan olih Tuanku Radin Yamtuan Besar, Kepada waris Chembong iaitu Datuk Raja Ayat Diraja. Salepas Datuk Raja Ayat meningal dunia, disandang olih adeknya Datuk Raja Madsul Diraja. Selepas Datuk Raja Madsul meninggal Dunia, Daripada anak Jawiyah yang 4 orang tadi mengambil pesaka datuk Raja Diraja ini; mengikut gelirannya.

Yang pertama (1) Rainah disandang olih Datuk Raja Abd.Ghani Diraja.
Yang kedua (2) Halijah Datuk Raja Mued bin Peral.
Yang ketiga (3) Patiyah ditinggalkan.
Yang keempat (4) Hamidahdisandang olih Datuk Raja Md.Dum Diraja.

Allah Yarham Datuk Raja Md.Dum DiRaja yang telah sudah meninggal dunia pada 31.12.1974 ialah dari Luangan yang keempat, daripada anak Jawiyah yang kecil.

Sekian lah sahaja ucapan saya dari luangan yang pertama dapat menerangkan kepada Yang teramat Mulia Undang Datuk dan Kepada Datuk Datuk Semua pada hari yang berbahagia ini. Kita bawalah pesaka Datuk Raja Diraja ini dari Hujong bawa kapangkal dan dari pangkal bawa ka hujong mengikut gilirannya dengan susunannya. Sekian terima kasih.

---

Peringatan.

Yang luangan ketiga ini (3) telah ditinggalkan sebab SALAH belum ditimbakgkan.
Yang pertama nikah sawaris adek-beradek bernama Haji Wok anak perempuan maimunah dengan anak Sara anak laki-laki Hassan yang kedua (2) pada Zaman undang Datuk Sulong Miah.

Datuk Muda Abu Besar Berlingkung Buapak Kena Pecat kerana terkurong kena pukul olih chegu Bahaman di Chembong Halt dalam tahun 1922.

Pada Zaman Undang Datuk Abdullah Waris Chembong menyandang pesaka Datuk paduka Menteri luangan yang ketiga (3).ini. Datuk Paduka(Abd.Rahman atau Datuk Paduka Bador menembak dirinya sendiri dengan senapangdiatas surau Kampong Kayu Ara dalam tahun 1938.

pada zaman undang datuk Haji Ipap luangan ketiga(3) ini saorang anak waris Bernama ALI Mendarhaka kepada Undang Datuk Hj.Ipap mengata-ngatakan undang Datuk Hj.Ipap Undang Kera tahun 1944.

SALINNAN TEREMBA DATUK RAJA ABD. GHANI' DI-RAJA
WARIS CEMBONG BERASAL DARI WARIS CENGKAU.
Pada Tahun 1660 Pada Jaman Pemerentahan undang.
DATUK UBAN PUTEH KEPALA DATANG MENURKA KA-KAMPONG
CEMBONG MEMBAWA SAUDARA-NYA 7 ORANG IA-ITU ?
UNDANG DATUK YANG KE-LIMA (5)

1 TIYAMAN
2 TIYAMIN
3 NYAII MESJED
4 AYAT - DATUK RAJA AYAT DI-RAJA TAHUN 1837 DI-KERNIAKAN TUANKU-RADIN YANG TUAN
5 MAD. SUL - DATUK RAJA MD SUL DI-RAJA ?
6 [illegible]
7 JAWIYAH - SATU IBU

ANAK JAWIYAH 4 ORANG
YANG PERTAMA (1) RAINAH - DI-SANDANG OLIH DATUK RAJA ABD GHANI-DI-RAJA
YANG KE-DUA (2) HALIJAH - " " " DATUK RAJA MUED PERAL
YANG KE-TIGA (3) DI-TINGGAL-KAN-PATIYAH ?
YANG KE-EMPAT (4) HAMIDAH - DI-SANDANG OLIH DATUK RAJA MD DUM DI-RA.

(3)
KESALAHAN LUANGAN KE-TIGA ini SALAH BELUM DI-TIMBANGKAN
YANG PERTAMA (1) NIKAH SAWARIS ANTARA HAJI WOK DENGAN ANAK SARA
HAJI WOK ANAK PEREMPUAN BERNAMA HALIMAH - SARA ANAK LAKI-LAKI
BERNAMA HASAN. (2) PADA ZAMAN undang Datuk Sulong Miah Luangan
YANG KETIGA MENYANDANG Besur Linkungan Buapak iaitu DATUK MUDA
ABU - DI-PECHAT KERANA TERKURONG DAN KENA PUKUL 1922 ?
(3) Pada Zaman undang DATUK ABDOULLAH - LUANGAN KE-(3) ini
MENYANDANG BUAPAK WARIS cembong DAN Cengkau ia-itu DATUK
PADUKA MENTERI ABD. RAHMAN ATau DATUK PADUK BADOR -
MEMBUNOH Diri Sendiri DENGAN Senapang DI-ATAS SURAU
KAMPONG KAYU ARA. PADA TUHUN 1932
PADA ZAMAN undang DATUK HAJI IPAP Luangan KE-(3) ini SA-ORANG
ANAK WARIS Bernama ALI DEBUS MERDAHAKA KPD undang
DATUK - MENGATA-NGATA-KAN undang ?

Di-SALINAN olih
[signature]

(19)

Abd Manaf bin Mustapha,
Kg. Tok Hijau, Chembong,
Rembau, N.S.
25 hb. June, 1975.

Kapada Yang Teramat Mulia,
Dato' Lendang Luak Rembau,
Balai Lendang,
Rembau.

Dato'

Perkara: Menuntut Pusaka
Dato' Raja Di-Raja yang kosong
sekarang.

Ada-lah hamba Dato' dengan beberapa hormat-nya ingin menuntut 'Pusaka' yang tersebut di-atas yang kosong pada masa ini kerana kematian allahyarham Dato Raja Di-Raja Mohd Dom bin Yassin. Perundingan atau penengokan telah di-adakan pada 23.3.75 bertempat di-Luran Waris Chembong oleh Yang Mulia Dato' Perba Abd Aziz bin Hussin dan pada 27.5.75 di-Balai Lendang Rembau, Yang Teramat Mulia Lendang Dato' telah bersabda mengesahkan bahawa geleran-nya ada-lah keturunan Patiah yang belom menerima geleran Pusaka Dato Raja Di-Raja. Hamba Dato' adalah sa-orang daripada gulongan tersebut dan yang berhak menuntut pusaka ini.

Hamba Dato' sekarang berusia 56 tahun dan telah bersara daripada Jawatan Kerajaan sabagai Pegawai Kerani dan telah berkhidmat dengan Kerajaan lebeh kurang 36 tahun dengan

taat-nya dan jawatan yang terakhir hamba Dato' pegang sebelom bersara ia-lah Kerani Besar, Perbendaharaan Kechil, Rembau.

Hamba Dato' lulus Darjah IV Sekolah Melayu Sepri, Rembau dan Junior Cambridge Sekolah Inggeris King George V School, Seremban pada tahun 1937.

Sekian Hamba Dato' pohonkan dan di-sudehi dengan salam ta'zim jua ada-nya.

Hamba Dato yang Benar,

(ABD. MANAP B MUSTAPHA)

( 21 )dlm.BUR.1/75

PEJABAT BALAI UNDANG LUAK REMBAU,
REMBAU,
NEGERI SEMBILAN.

10hb.Julai,1975.

Kepada Yang Mulia:

1. Dato' Perba Abdul Asis bin Hussin,
35 Rumah Murah Kota;

2. Dato' Menteri Lela Perkasa Hj.Talib bin Abdullah,
Kampong Tanjong Gadong,
Kota;

3. Dato' Shah Bandar Hj.Shafie bin Yeop,
Kampong Jawa,
Kota;

4. Dato' Mangku Bumi Hj.Baba bin Baki,
Kampong Berkat,
Chembong,

<u>R e m b a u</u>

Dato',

<u>Temuduga Bagi Pesaka Dato' Raja Diraja</u>

Saya disabdakan oleh ke bawah kaus Yang Teramat Mulia Dato' Sedia Raja, Dato' Haji Adnan bin Haji Ma'ah, Undang Luak Rembau dengan hormatnya memaklumkan iaitu temuduga bagi pesaka Dato' Raja Diraja akan diadakan di Pejabat Balai Undang Luak Rembau pada hari Khamis 24hb.Julai,1975 pukul 11.00 pagi.

Inilah saya disabdakan selanjutnya untuk mempersilakan Yang Mulia Dato' supaya hadir bersama dengan berpakaian Baju Melayu.

Hal demikianlah dimaklumkan, disudahi dengan ingatan selamat dan wassalam jua adanya.

Saya, dengan sabda,

( HUSEN BIN KASIM )
Setiausaha Kepada
Y.T.M. Undang Luak Rembau.

( 27 )dlm.BUR.1/75

PEJABAT BALAI UNDANG LUAK REMBAU,
REMBAU,
NEGERI SEMBILAN.

10hb.Julai,1975.

Dato' Perba Abdul Aziz bin Hussin,
35 Rumah Murah Kota,
Rembau

Y.M. Dato',

Temuduga Pesaka Dato' Raja Diraja

Saya disabdakan oleh ke bawah kaus Yang Teramat Mulia Dato' Sedia Raja, Dato' Haji Adnan bin Haji Ma'ah, Undang Luak Rembau iaitu sepertimana yang dipermaklumkan temuduga bagi pesaka tersebut di atas akan diadakan di Pejabat Balai Undang Luak Rembau pada hari Khamis 24hb.Julai,1975 pukul 11.00 pagi.

Inilah saya disabdakan seterusnya untuk meminta Yang Mulia Dato' mempermaklumkan perkara ini kepada Buapak, Besar, Waris serta Calun-calun Dato' Raja Diraja yang berkenaan supaya hadir pada tarikh temuduga tersebut.

Hal demikianlah dimaklumkan, disudahi dengan ingatan selamat dan wassalam jua adanya.

Saya, dengan sabda,

( HUSEN BIN KASIM )
Setiausaha Kepada
Y.T.M. Undang Luak Rembau.

( 23 )dlm.BUR.1/75

PEJABAT BALAI UNDANG LUAK REMBAU,
REMBAU,
NEGERI SEMBILAN.

10hb.Julai,1975.

Kepada:
Paduka Haji Harun bin Jabil,
d/a Pejabat Kadi Daerah,
Rembau.

Tuan,

Temuduga Pesaka Dato' Raja Diraja

Saya disabdakan oleh ke bawah kaus Yang Teramat Mulia Dato' Sedia Raja, Dato' Haji Adnan bin Haji Ma'ah, Undang Luak Rembau iaitu sepertimana yang dipermaklumkan temuduga bagi pesaka Dato' Raja Diraja akan diadakan di Pejabat Balai Undang Luak Rembau pada hari Khamis 24hb.Julai,1975 pukul 11.00 pagi.

Inilah saya disabdakan selanjutnya untuk meminta tuan mempermaklumkan perkara ini kepada calun-calun Dato' Raja Diraja yang berkenaan supaya hadir pada tarikh temuduga tersebut.

Hal demikianlah dimaklumkan, disudahi dengan ingatan selamat dan wassalam jua adanya.

Saya, dengan sabda,

( HUSEN BIN KASIM )
Setiausaha Kepada
Y.T.M. Undang Luak Rembau.

Mustapha bin Harun,
Waris Lela Maharararaja,
Kg Cembong,
d/a Pusat Kesihatan Kecil,
Astana Raja,
Kota,
N. Sembilan.
2I.6.75.

Kapada,

Setiausaha Undang Datok Luak Rembau.

Dengan segala hormat-nya yang berbahagia En Husin Setiausaha Undang Datok.
Per: Pada 27.5.75. di-Balai Undang Datok.

Dengan dukacita-nya saya yang nama di-atas pada 27.5.75.ia-itu Undang Datok telah menjalankan kaus sabda berkenaan dengan pesaka Datok Raja Di-Raja, Undang Datok Telah mengikut arahan pada zaman Undang Datok Allahyarham Hj Ipap,dan Allahyarham Datuk Md Dom Di- Raja,Jadi perkara ini saya berharap kapada yang berbahagia Setiausaha Undang Datok untuk menyampaikan kapada yang teramat mulia Undang Datok,saya yang nama di-atas berharap pada 24.6.75 pukul I0.00 pagi saya akan mengadap yang teramat mulia Undang Datuk untuk mengenok surat yang telah di-sabda olih yang teramat mulia Undang Datok pada 27.5.75. pada hari itu.

Sekian dengan ampun dan maaf.
Terima Kaseh .

Saya yang menurut perentah.
..........................
(Mustapha Bin Harun)
Waris Lela Maharaja,
Kg Chembong.

Balai ...
23 JUN 1975
Negeri Sembilan

Dato' Perba Abd.Aziz bin Husein,
Lembaga Suku Biduanda,
Lela Maharaja dan Sedia Raja.
31hb.Mac.1975

Yang Teramat Mulia,
Dato'Sedia Raja Hj.Adnan bin Hj.Ma'ah,
Undang Luak Rembau,
Balai Undang Rembau.

Ka-Bawah Kaus Yang Teramat Mulia Undang Dato' Sedia Raja Hj.Adnan bin Hj.Ma'ah yang ada pada masa ini di-Balai Undang Rembau adalah dipohonkan dengan mendapat selamat-nya.

Di dahului sembah ampun kapada Undang Dato', hamba dato' Lembaga serta buapak besar lingkongan minta izin menyampaikan sembah kapetahuan Undang Dato' yaitu berkenaan dengan charian giliran ruang Pesaka Dato' Raja di-Raja yang telah kosong daripada 31hb.Dec:,1974 , pada 23hb.Mac.,1973 hamba dato' telah pergi ka-Chembong merunding-kan dan hadzir oleh Waris Lelaki dan Perempuan seramai 43 orang dan telah dibichangkan yaitu mengikut atoran giliran-nya . Hamba dato' dapatkan satu daripada empat ruang adalah kosong yaitu ruang (Petiah) .

Sembah ampun Dato'.

Dengan hal yang demikian hamba dato' Suku serta Buapak Besar berlingkong bersetujulah diatas pesaka ini digantikan dato' Raja di-Raja karuang Petiah mengikut adat yang di-uca dipakai, patah tumboh hilang berganti.

Sekianlah saja hamba dato' sembahkan dan jikalau ada apa-apa yang terkasar tutor bahasa hamba dato' minta ampun ma'af kabawah Kaus Yang Amat Mulia Undang Dato' .

Buapak. Besar

Yang benar hamba dato'

........
Dato' Perba.

NAMA-NAMA. WARIS YANG MENUNTUT PUSAKA
DATO' RAJA DI-RAJA.

1. NAMA. HASHIM. BIN. DAHLAN. ✓ [illegible]
UMUR. 50 TAHUN
PEKERJAAN. GURU UGAMA
K/PENGENALAN 1644615
ALAMAT. KAMPONG TENGAH, SEPRI, REMBAU

2. NAMA. 'ABDUL MANAF BIN. MUSTAPHA ✓
UMUR. 56 TAHUN.
K/PENGENALAN 3405548
ALAMAT KAMPONG TOK HIJAU CHEMBONG REMBAU.
PEKERJAAN BERSARA.

3. NAMA. AWALUDIN BIN. AB. RAUF ✓
UMUR. 55 TAHUN.
K/PENGENALAN.
PEKERJAAN BERSARA
ALAMAT. KAMPONG TOK HIJAU CHEMBONG REMBAU.

4. NAMA AYUB BIN DAHLAN
UMUR 39 TAHUN
PEKERJAAN. TENTERA LAUT DI-RAJA (BERSARA)
K/PENGENALAN 800339
ALAMAT KAMPONG TENGAH CHEMBONG POL REMBAU

5. NAMA ZAKARIA BIN DAHLAN
UMUR. 43 TAHUN
K/PENGENALAN 105869
PEKERJAAN. ASKAR MELAYU DIRAJA
ALAMAT. KAMPONG BARU BT. HAMPAR REMBAU

Dato Raja [signature]

6. NAMA. ABU. BIN LANJONG ✓
PEKERJAAN KERJA KAMPONG
ALAMAT KAMPONG TOK HIJAU CHEMBON REMBAU.
UMUR. 75 TAHUN
7. NAMA, ZULKEPLI BIN. MUSTAPHA
PEKERJAAN. KERJA SHARIKAT
ALAMAT KAMPONG WARIS CHEMBONG REMBAU.
UMUR 33 TAHUN
8. NAMA, OSMAN BIN. SINGAH
PEKERJAAN. KERJA KAMPONG
UMUR. 46 TAHUN.
9. NAMA ARIS BIN. UJANG
UMUR. 30 TAHUN.
PEKRJAAN KERJA KILANG
ALAMAT. KAMPONG WARIS CHEMBONG REMBAU.
10. NAMA HAMZAN BIN HASAN
UMUR 21 TAHUN
PEKERJAAN KERANI
ALAMAT. KAMPONG WARIS CHEMBONG REMBAU.
11. NAMA, ISMAIL, BIN SINGAH
UMUR 44 TAHUN.
PEKERJAAN POLIS
ALAMAT KAMPONG WARIS CHEMBONG REMBAU.
12. NAMA. SHAMSUDIN. BIN. MUSTAPHA
UMUR. 39 TAHUN
PEKERJAAN POLIS
ALAMAT. KAMPONG TOK HIJAU CHEMBONG REMBAU.
13. NAMA, MOHD PAIZ BIN. SHAARI
UMUR 19 TAHUN.
PEKERJAAN. TIADA
ALAMAT, KAMPONG TG SENA REMBAU
14. NAMA HADZAKI BIN HJ. AB. GHANI
UMUR 20 TAHUN
PEKERJAAN PENUNTUT
ALAMAT. KAMPONG BARU REMBAU.

15

Dato Rembau
[signature]

(Tambahan)



NAMA-NAMA ANAK-ANAK WARIS LELA MAHARAJA
KAMPONG CHEMBONG YANG MENUNTUT PUSAKA
DATO' RAJA DI-RAJA.

1. ALI. BIN. LANJONG
KG. BERKAT CHEMBONG
REMBAU. N. S.

2. MOHD. YASIN. BIN. MUSTAPHA
2649 JALAN. BASERAH
OF JALAN KUANTAN. K. LUMPOR.

3. KASIM. BIN. MUSTAPHA
KG. SURA DUNGUN.
TERANGGANU.

4. MUKHTAR. BIN. BAHARIN.
105. GEDONG LALANG EMPANGAN
SEREMBAN. N. S.

5. AHMAD. BIN. BAHARIN.
KG. WARIS CHEMBONG REMBAU
N. S

6. KAMARUZAMAN. BIN AB. MANAP
KG WARIS. CHEMBONG REMBAU.
N. S.

7. MOHD. KAMAL BIN AB MANAP
KG. WARIS CHEMBONG REMBAU.
N. S.

8. KAMARULREDZWAN BIN. AB. MANAP
KG. WARIS. CHEMBONG REMBAU.
N. S.

9. ROSLI. BIN. MUSA
105 GEDONG LALANG EMPANGAN
SEREMBAN N. S.

10. ROSMAN BIN SALEH
38 JALAN F. KG. PANDAN BARU
K. L.

11. ROSLAN. BIN. SALEH
38 JALAN. F. KG PANDAN BARU
K. L.

12. ROSDAN BIN. SALEH
38. JALAN F. KG. PANDAN BARU
K. L.

13. HJ. BAKI. BIN. MUSA
KG TOK. HIJAU
REMBAU. N. S.

Bil.(24 )dlm.BUR.1/75

PEJABAT BALAI UNDANG LUAK REMBAU,
Rembau, Negeri Sembilan.
24hb. Julai, 1975.

24

SURAT PENGAKUAN CALUN-CALUN BAGI MENYANDANG PESAKA
DATO' RAJA DIRAJA

Bahawa dengan sesungguhnya, kami yang bertandatangan di bawah ini seramai ...5.... orang iaitu calun-calun dari Perut Patiyah, Ruangan Ketiga, Warith Suku Biduanda Lela Maharaja Chembong yang memohon untuk menyandang pesaka DATO' RAJA DIRAJA telah memberi pengakuan kami, dengan sebenar-benarnya, ikhlas dan suci-hati bahawa kami sekelian yang masing-masing berhak menuntut pesaka DATO' RAJA DIRAJA, faham iaitu mengikut aturan adat turun-temurun, kuasa memilih seseorang bagi menyandang pesaka ini terserah kepada ke bawah kaus Undang Dato'. Oleh itu kami mengaku tidak akan menyuarakan sebarang perasaan terkilan ataupun bantahan apabila salah seorang di antara kami yang bernama dan bertandatangan di bawah ini dilantek oleh ke bawah kaus Undang Dato' menyandang pesaka DATO' RAJA DIRAJA.

| Bil. | Nama | Tandatangan |
|---|---|---|
| 1. | Hashim bin Dahlan | ✓ [signature] |
| 2. | Abdul Manaf bin Mustapha | ✓ [signature] |
| 3. | Awaludin bin Ab.Rauf | ✓ [signature] |
| 4. | Ayub bin Dahlan | — |
| 5. | Zakaria bin Dahlan | — |
| 6. | Abu bin Lanjong | ✓ [signature] |
| 7. | Zulkepli bin Mustapha | — |
| 8. | Osman bin Singah | ✓ Menarek diri |
| 9. | Aris bin Ujang | ✓ Menarek diri. |
| 10. | Hamzan bin Hasan | — |
| 11. | Ismail bin Singah | — |
| 12. | Shamsudin bin Mustapha | ✓ Menarek diri |
| 13. | Mohd Paiz bin Shaari | — |
| 14. | Madzaki bin Hj.Ab.Ghani | ✓ Menarek diri. |
| 15. | Mohd.Yasin bin Mustapha | — |
| 16. | Kasim bin Mustapha | — |
| 17. | Mukhtar bin Baharin | — |

| Bil. | Nama | Tandatangan |
|---|---|---|
| 18. | Ahmad bin Baharin | |
| 19. | Kamruzaman bin Abd.Manap | |
| 20. | Mohd.Kamal bin Ab.Manap | |
| 21. | Kamarulredzwan bin Ab.Manap | |
| 22. | Rosli bin Musa | ✓ Menarik diri |
| 23. | Rosman bin Saleh | |
| 24. | Roslan bin Saleh | |
| 25. | Rosdan bin Saleh | ✓ Menarik diri. |
| 26. | Hj.Baki bin Musa | |
| 27. | Othman bin Hj.Dahlan | ✓ [signature] |
| 28. | Mohd Yusof bin Dahlan | ✓ Menarik diri. |
| 29. | Khalid bin Dahalan | |

Di hadapan Saksi-saksi:

| | | |
|---|---|---|
| 1. | Dato' Perba Abdul Aziz bin Hussin | [signature] |
| 2. | Dato' Menteri Lela Perkasa Hj.Talib bin Abdullah | P.M. Talib |
| 3. | Dato' Shah Bandar Hj.Shafie bin Yeop | [signature] |
| 4. | Dato' Mangku Bumi Hj.Baba bin Baki | [signature] |
| | Buapak dan Besar: | |
| 5. | Paduka Haji Harun bin Jabil | Hj-Harun |
| 6. | Jaskara Hashim bin Dahlan | [signature] |
| 7. | Muda Shahabudin bin Hj.Azhari | |

25

Bum. 1/75

Negeri Sembilan.

Warkah tulus ikhlas daripada kami Dato' Sedia Raja Haji Adnan bin Haji Ma'ah, Undang Luak Rembau di Balai Undang Luak Rembau, Negeri Sembilan.

Mudah-mudahan barang diwasalkan oleh Tuhan Seru Sekelian Alam ke majlis Yang Berbahagia Encik Ahmad Kamal bin Mohd. Sahaja, Pegawai Daerah Rembau, Rembau adalah dengan beberapa selamat dan kesejahteraannya.

Ehwal, inilah kami mempermaklumkan iaitu pada hari Selasa bersamaan dengan 2hb.September,1975 pukul 10.00 pagi yang akan datang ini, bertempat di Pejabat Balai Undang Luak Rembau, kami akan melakukan perlantikan bagi seorang Orang Besar Undang Luak Rembau yang baharu bergelar DATO' RAJA DIRAJA serta seorang Dato' Lembaga yang bergelar DATO' SRI MAHARAJA.

Maka dengan hal yang demikian kami dengan sukacitanya mempersilakan tuan Pegawai Daerah bagi menyaksikan perlantikan itu pada hari dan waktu seperti yang tersebut di atas.

Hal demikianlah kami maklumkan dan disudahi dengan wassalam serta ingatan selamat jua adanya.

( DATO' SEDIA RAJA HAJI ADNAN BIN HAJI MA'AH )
Undang Luak Rembau.

Termaktub di Pejabat Balai Undang Luak Rembau,
Rembau, Negeri Sembilan.

Pada 25 haribulan Ogos, 1975.

26

Tilipon: 237 Balai Rembau
284 Balai Nerasau

Bil.:

**BALAI UNDANG, REMBAU**

.......................................

.......................................

.......................................

Kepada:
Semua Dato' Lembaga

Perlantikan Bagi Mengisi Kekosongan Pesaka Dato' Raja Diraja (Orang Besar Undang) dan Pesaka Dato' Sri Maharaja (Dato' Lembaga).

Saya disabdakan oleh ke bawah kaus Yang Teramat Mulia Dato' Sedia Raja, Dato' Haji Adnan bin Haji Ma'ah, Undang Luak Rembau iaitu berhubung dengan temuduga bagi calun-calun Dato' Raja Diraja dan Dato' Sri Maharaja yang telah diadakan di pejabat ini pada 24hb. Julai,1975 dan mempermaklumkan iaitu perlantikan yang tersebut di atas akan dibuat di Pejabat Balai Undang Luak Rembau pada hari Selasa 2hb.September,1975 pukul 10.00 pagi.

Oleh hal yang demikian saya disabdakan seterusnya mempersilakan Yang Mulia Dato' supaya hadir bersama dalam majlis perlantikan ini.

Hal demikianlah dimaklumkan, diakhiri dengan ingatan selamat serta wassalam jua adanya.

Saya, dengan sabda,

( HUSEN BIN KASIM )
Setiausaha Kepada
Y.T.M. Undang Luak Rembau.

27

Negeri Sembilan.

25hb.Ogos,1975.

Dato' Perba Abd.Aziz bin Hussin,
35 Rumah Murah Kota,
Rembau

Y.M. Dato',

Perlantikan Dato' Raja Diraja

Saya disabdakan oleh ke bawah kaus Yang Teramat Mulia Dato' Sedia Raja, Dato' Haji Adnan bin Haji Ma'ah, Undang Luak Rembau dengan hormatnya memaklumkan iaitu perlantikan tersebut di atas akan diadakan di Pejabat Balai Undang Luak Rembau pada hari Selasa 2hb.September,1975 pukul 10.00 pagi.

Oleh hal yang demikian saya disabdakan seterusnya meminta Y.M. Dato' mempermaklumkan perkara ini kepada Buapak, calun-calun dan sekelian warith yang berkenaan supaya hadir dalam majlis perlantikan tersebut.

Hal demikianlah dimaklumkan, disudahi dengan wassalam jua adanya.

Saya, dengan sabda,

( HUSEN BIN KASIM )
Setiausaha Kepada
Y.T.M. Undang Luak Rembau.

(28)

Bur. 16/74

Negeri Sembilan.

25hb.Ogos,1975.

Paduka Kassim bin Abdul Rahman,
(Buapak Paya Kumboh/Sg.Layang),
Kampong Senama Hilir,
Rembau

Perlantikan Dato' Sri Maharaja

Saya disabdakan oleh ke bawah kaus Yang Teramat Mulia Dato' Sedia Raja, Dato' Haji Adnan bin Haji Ma'ah, Undang Luak Rembau dengan hormatnya memaklumkan iaitu perlantikan tersebut di atas akan diadakan di Pejabat Balai Undang Luak Rembau pada hari Selasa 2hb.September,1975 pukul 10.00 pagi.

Oleh hal yang demikian saya disabdakan seterusnya di samping mempersilakan tuan adalah juga meminta tuan mempermaklumkan perkara ini kepada calun-calun dan sekelian warith yang berkenaan supaya hadir bersama dalam majlis perlantikan tersebut.

Hal demikianlah dimaklumkan, disudahi dengan wassalam jua adanya.

Saya, dengan sabda,

( HUSEN BIN KASIM )
Setiausaha Kepada
Y.T.M. Undang Luak Rembau.

(29)

BeWR. 1/75

Negeri Sembilan.

25hb.Ogos,1975.

Pegawai Penerangan,
Pejabat Penerangan Daerah,
<u>Rembau</u>

Tuan,

Saya disabdakan oleh ke bawah kaus Yang Teramat Mulia Dato' Sedia Raja, Undang Luak Rembau dengan hormatnya memaklumkan iaitu bertempat di Pejabat Balai Undang Luak Rembau pada hari Selasa 2hb.September, 1975 pukul 10.00 pagi Y.T.M. Undang Dato' akan mengadakan suatu upacara perlantikan bagi seorang Orang Besar Undang Luak Rembau yang baharu bergelar Dato' Raja Diraja serta seorang Dato' Lembaga yang baharu bergelar Dato' Sri Maharaja.

2. Oleh hal yang demikian inilah saya disabdakan seterusnya untuk meminta jasa baik pihak tuan menyediakan perkhidmatan pembesar suara pada hari perlantikan yang tersebut.

Hal demikianlah dimaklumkan, diakhiri dengan ucapan terimakasih jua adanya.

Saya, dengan sabda,

( HUSEN BIN KASIM )
Setiausaha Kepada
Y.T.M. Undang Luak Rembau.

(30)

Buk. 1/75

Negeri Sembilan.

25hb.Ogos,1975.

Pegawai Penjaga Daerah Polis,
Balai Polis Diraja,
Rembau

Tuan,

Saya disabdakan oleh ke bawah kaus Yang Teramat Mulia Dato' Sedia Raja, Undang Luak Rembau meminta tuan menguruskan supaya beberapa orang anggota Polis beruniform ditugaskan menjaga keselamatan di pejabat Balai Undang Luak Rembau pada hari Selasa 2hb.September,1975; pukul 10.00 pagi.

Pada hari dan waktu yang tersebut di atas, ke bawah kaus Undang Dato' akan melakukan perlantikan seorang Dato' Lembaga dan seorang Orang Besar Undang Luak Rembau di mana orangramai dijangka akan berada di perkarangan Pejabat Balai Undang.

Hal demikianlah dimaklumkan dan diucapkan terimakasih.

Saya, dengan sabda,

( HUSEN BIN KASIM )
Setiausaha Kepada
Y.T.M. Undang Luak Rembau.

(1) Menerangkan kapada calun2 nama2 yang menuntut pesaka Dato Raja Di-Raja ini.

(2) Mengingatkan calun2 jangan terpengaroh oleh pehak yang hendak mengambil kesempatan.

(3) Ada-kah kebulatan untok menunjukkan kapada sa-orang?

(4) Lantekan akan di-istiharkan pada 2/9/75 bersamaan hari thalatha pukul 10.00 pagi.

BALAI UNDANG LUAK REMBAU PADA 29HB.JULAI,1975 PUKUL 11.00 PAGI

| Bil. | Nama | Umor | Jawatan Adat | Suku Isteri | Suku Bapa | Kesalahan Adat | Pengetahuan Adat | Jawatan Ugama | Calun Pilihan | Pekerjaan | Lain-lain Hal |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Hashim bin Dahlan | 50 | Jadi Jaskara 27 tahun. | Payo Kumboh. | Mungkal | — | Baik. | Guru Ugama Imam Masjid Kg: Tengah. | | Guru Ugama di Sekolah. | |
| 2. | Abdul Manaf bin Mustapha | 56 | Tiada. | Payo Kumboh | Payo Kumboh | — | Baik. | | | Kerani Besar. | |
| 3. | Awaludin bin Ab.Rauf | 58 | Tiada. | Payo Kumboh | Orang Selangor. | — | Kurang | Tiada. | | Guru Teknik LLN. | |
| 4. | Ayub bin Dahlan | 39 | | | | | | | | | |
| 5. | Zakaria bin Dahlan | 42 | | | | | | | | | |
| 6. | Abu bin Lanjong | 74 | Tok Mudo Meletakkan Jawatan | Payo Kumboh | Seri Melenggang. Naning | — | Baik. | Tiada. | | Kerja Kampung. | |
| 7. | Zulkepli bin Mustapha | [illegible] | | | | | | | | | |
| 8. | Osman bin Singah | [illegible] | | | | | | | | | |
| 9. | Aris bin Ujang | 30 | | | | | | | | | |
| 10. | Hamzan bin Hasan | [illegible] | | | | | | | | | |
| 11. | Ismail bin Singah | [illegible] | | | | | | | | | |
| 12. | Shamsudin bin Mustapha | 39 | | | | | | | | | |
| 13. | Mohd.Paiz bin Shaari | 19 | | | | | | | | | |
| 14. | Madzaki bin Hj.Ab.Ghani | 20 | | | | | | | | | |

...2/-

| Bil. | Nama | Umor | Jawatan Adat | Suku Isteri | Suku Bapa | Kesalahan Adat | Pengetahuan Adat | Jawatan Ugama | Calun Pilihan | Pekerjaan | Lain-lain Hal |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 15. | Mohd.Yasin bin Mustapha | | | | | | | | | | |
| 16. | Kasim bin Mustapha | | | | | | | | | | |
| 17. | Mukhtar bin Baharin | | | | | | | | | | |
| 18. | Ahmad bin Baharin | | | | | | | | | | |
| 19. | Kamaruzaman bin Abd.Manap | | | | | | | | | | |
| 20. | Mohd.Kamal bin Ab.Manap | | | | | | | | | | |
| 21. | Kamarulredzwan bin Ab.Manap | | | | | | | | | | |
| 22. | Rosli bin Musa | | | | | | | | | | |
| 23. | Rosman bin Saleh | | | | | | | | | | |
| 24. | Roslan bin Saleh | | | | | | | | | | |
| 25. | Rosdan bin Saleh | | | | | | | | | | |
| 26. | Hj.Baki bin Musa | | | | | | | | | | |
| 27. | Othman bin Hj.Dahlan | 48 | Tiada | Biduanda | Mungkal Bukit | – | Kurang. | Tiada. | | Polis Hutan. | |

بالي اوندڠ رمبو،
رمبو،
نڬري سمبيلن

**PERISTIHARAN LANTEKAN DATO' RAJA DIRAJA**
**DAN DATO' SERI MAHARAJA**
**PADA HARI SELASA BERSAMAAN 2HB.AUGUST,1975**

*****************

Tuan Pegawai Daerah Rembau
Dato'-dato' Lembaga di Baroh dan di Darat
Buapak dan Besar serta waris-waris sekelian.

Terlebih dahulu kami mengucapkan setinggi-tinggi syukor ke hadzrat Allah Subhanahu wata'ala yang telah melimpahkan rahmat Nya ke atas kita semua kerana dengan keizinannya membolehkan kita berhimpun di Balai ini bagi mengisi pesaka Dato' Raja Diraja, (Orang Besar Undang) dan Dato' Seri Maharaja (Lembaga Tiang Balai Di darat) yang telah kosong.

Mengikut pepatah adat "Patah tumbuh, hilang berganti". Pada 30 haribulan August 1974 yang lalu telah berlakulah kehendak Allah ke atas Allah Yarham Dato' Seri Maharaja Othman bin Meon dan pada 30 haribulan Disember,1974 pula ke atas Dato' Raja Diraja Mohd. Dom bin Yasin.

Bagi mengisi semula pesaka ini, kami telah memberikan masa yang panjang kepada waris-waris, besar, buapak dan Dato'-dato' Lembaga yang berkenaan bagi menentukan gelerannya supaya yang kusut dapat diselesaikan dan yang keruh dapat dijernihkan dan keputusan dapat dibuat dalam suasana yang tenang.

Waris-waris, Besar, Buapak dan Dato'-dato' Lembaga Tali Pesaka yang berkenaan telah mengadakan beberapa kali perundingan bagi mencari geleran pesaka-pesaka yang tersebut.

Pada 7 haribulan Disember 1974 Dato' Lembaga Tali Pesaka Yang Lima dan Sembilan telah menyembahkan kepada kami di atas penyiasatannya yang telah dijalankan, bahawa geleran pesaka Dato' Seri Maharaja itu ialah empat iaitu:

1. Sungai Layang
2. Kampong Rendah
3. Pahang
4. Kampong Tengah (Empat Ibu)

Geleran pada kali ini jatuh kepada Perut Sungai Layang. Dalam Perut Sungai Layang ini termasuk Tebat Melintang dan Tanjong Saga. Dalam tahun 1925 Almarhum Dato' Sedia Raja Abdullah telah mengkadimkan Tanjong Saga ke Tebat Melintang. Pada masa Haji Liman dari Tebat Melintang menyandang pesaka Dato' Seri Maharaja telah berlaku pertikaian di antara Sungai Layang dengan Tebat Melintang; akhirnya Haji Liman telah diakui sebagai Lembaga yang sah. Untuk mengelakkan berlakunya pertikaian yang seumpama itu, pada 26 haribulan April 1975 kami telah memanggil Tali Pesaka Lima dan Sembilan, Buapak dan Besar Sungai Layang (termasuk Tebat Melintang dan Tanjong Saga), Kampong Rendah, Pahang dan Kampong Tengah bagi merundingkan geleran ini. Akhirnya satu penyelesaian telah didapati dengan kebulatan (sebulat suara) sebagai berikut:

a) Tanjong Saga itu kadim ke Tebat Melintang.

b) Haji Liman dari Tebat Melintang itu adalah Lembaga yang sah.

c) Apabila sampai geleran Sungai Layang pesaka Dato' Seri Maharaja itu adalah bergeler antara Sungai Layang dengan Tebat Melintang dan Tanjong Saga.

d) Dengan kebulatan pada kali ini ialah geleran Sungai Layang.

Pada 24 haribulan Julai 1975 telah diadakan temuduga di Balqi ini dengan disaksikan oleh Tali Pesaka, Buapak-buapak dan Besar. Kami telah memberikan peluang supaya mereka berkebulatan memilih seorang. Oleh kerana kebulatan ini tidak didapati calun-calun yang hadir dengan suci hati memulangkan kepada kami, serta mengaku tidak akan terkilan jika salah seorang di antara mereka dilantek. Di atas keikhlasan ini kami ucapkan terimakasih.

Berhubung dengan pesaka Dato' Raja Diraja iaitu salah seorang daripada ORANG BESAR UNDANG LUAK REMBAU, pesaka ini tertentu kepada Waris Lela Maharaja Chengkau yang bertempat di Chembong sahaja. Mempunyai tugas kewajipan di sisi adat Rembau "Pegawai Kepada Undang Tongkat Sokong Kepada Lembaga". Seperti kata adat "Ka laut menjadi apong - ka bukit menjadi tongkat - malam menjadi suluh".

Berhubung dengan geleran pesaka Dato' Raja Diraja ini yang tertentu bagi Waris Lela Maharaja Chengkau yang bertempat di Chembong itu ialah empat geleran iaitu:

Ruang Rainah
" Halijah
" Hamidah
" Patiah.

Dalam perundingan yang telah diadakan oleh waris-waris berkenaan yang dihadiri oleh Dato' Perba, Buapak dan Besar ketetapan telah diambil bahawa ruang yang kosong ialah Ruang Patiah. Keputusan ini telah pun disembahkan oleh Dato' Perba dan Paduka Buapak Chengkau kepada kami pada 21 haribulan Mac, 1975. Oleh kerana ada dua tiga orang waris menyampaikann kilanannya maka kami telah menyimak dan mengkaji dengan teliti akan fail-fail lama berhubung dengan pesaka Dato' Raja Diraja ini dan keputusannya kami berpuashati bahawa keputusan yang disembahkan oleh Dato' Perba itu adalah benar.

Untuk memuaskan hati waris yang terkilan itu pada 27 haribulan Mei 1975 kami telah memanggil Orang Besar Undang, Dato' Perba, Buapak, Besar dan waris-waris yang berkenaan untuk menerangkan kedudukan perkara ini yang sebenarnya bagi mengelakkan mereka-mereka yang tidak mengetahui dan tidak faham daripada terus meraba-raba dan merosakkan hubungan baik dan kemesraan di antara ahli-ahli waris serta mengakibahkan masyarakat purak peranda.

Dalam perjumpaan itu kami telah membentangkan kedudukan perkara ini dengan terang dan jelas yang mana satu minit mesyuarat yang diadakan di Balai ini pada 24 haribulan Febuari, 1947 hari Isnin waktu pukul 10.00 pagi yang dihadiri oleh Y.T.M. Al-Marhom Dato' Lela Maharaja Haji Ipap, Undang

Luak Rembau, Y.A.B. Tuan Resident Comissionar N.Sembilan, Pegawai Daerah, Orang Besar Undang, Dato' Perba, Buapak, Besar dan Waris-waris yang berkenaan bagi menyelesaikan geleran Dato' Raja ini pada masa itu dan juga masa akan datang.

Kami berasa sukacita selepas daripada perjumpaan itu waris-waris semua telah berpuas hati kecuali seorang. Di atas sikap-sikap waris-waris yang patuh pada kebenaran ini kami ucapkan terimakasih. Kepada pihak yang ke laut tidak mahu menuju harus ke darat tidak menuju benar di sini dengan tegas kami nyatakan ini adalah sikap yang bertentangan dengan adat dan kebenaran.

Pada 29 haribulan Julai 1975 yang lalu kami telah memanggil calun-calun yang berhak menuntut pesaka Dato' Raja Diraja hadir di Balai ini untuk ditemuduga. Beberapa orang calun dengan sukarela telah menarik diri dan memulangkan kepada lima (5) orang calun yang tinggal. Temuduga ini telah disaksikan oleh Orang Besar kami, Dato' Perba, Buapak dan Besar.

Kepada calun-calun ini kami ucapkan terimakasih kerana dengan suci hati telah memberi pengakuan tidak akan terkilan jika salah seorang di antara mereka dilantek menyandang pesaka ini. Sebarang kilanan yang dibangkitkan selepas ini kata adatnya "Bertanam di luar pagar, berketak di luar sangkar, rumah sudah pahat berbunyi".

Selepas mengadakan temuduga yang tersebut kami telah mengambil masa yang panjang untuk menimbangkan keadaan dan latar belakang seseorang calun. Pertimbangan ini adalah berdasarkan berbagai segi yang tidak harus dibentangkan di sini. Tegasnya perlantekan ini tidak sekali-kali dibuat di atas dasar pilih kasih, atau pengaruh seseorang atau sesuatu pihak yang tertentu.

Sebagai orang-orang Islam yang beriman kita mestilah meyakini bahawa untung baik dan untung jahat itu datangnya dari Allah, dan segala sesuatu yang telah berlaku, sedang berlaku dan akan berlaku adalah tertakluk di bawah kudrat dan iradat Nya.

Di sini sukacita kami mengingatkan pihak yang akan dipilih dan dilantek menyandang pesaka ini supaya menerimanya dengan perasaan suci dan rendah hati yang disertai dengan kesyukuran kehadzrat Allah dan juga keazaman untuk memberikan khidmat yang jujur, seterusnya memelihara kehormatan, kemuliaan dan marwah pesaka ini dengan sedaya upaya.

Selain dari itu adalah diharapkan mempunyai pandangan dan pemikiran yang terbuka selaras dengan zaman pembangunan dan kemajuan ini dalam membantu usaha kerajaan dalam bidang pembangunan untuk kebajikan rakyat, ugama dan negara.

Bagi calun-calun yang tidak terpilih khasnya, dan waris-waris yang berkenaan amnya hendaklah menerima keputusan ini dengan hati yang bersih dan mengenepikan sikap yang boleh merosakkan hubungan baik dan kemesraan.

Pepatah yang mengatakan "Pecah saudara kerana ringgit, pecah waris kerana pesaka" tidak harus dibiarkan berlaku.

Dengan taufik dan hidayah serta dengan lempah keizinan Allah, kami telah menimbangkan dengan sehalus-halusnya dengan sukacita kami melantek dan mengistiharkan:-

ABDUL MANAF BIN MUSTAFA ...................................................... Dato' Raja Diraja,

dan

PADUKA ABU KASIM B AB. RAHMAN ...................................................... Dato' Seri Maharaja.

(signature)

..............................
DATO' SEDIA RAJA,
UNDANG LUAK REMBAU.

Termaktub

Di Balai Undang Luak Rembau,
Pada 2 haribulan September, 1975

Di sini sukacita kami mengingatkan pihak yang akan dipilih dan dilantek menyandang pesaka ini supaya menerimanya dengan perasaan suci dan rendah hati yang disertai dengan kesyukuran kehadzrat Allah dan juga keazaman untuk memberikan khidmat yang jujur, seterusnya memelihara kehormatan, kemuliaan dan marwah pesaka ini dengan sedaya upaya.

Selain dari itu adalah diharapkan mempunyai pandangan dan pemikiran yang terbuka selaras dengan zaman pembangunan dan kemajuan ini dalam membantu usaha kerajaan dalam bidang pembangunan untuk kebajikan rakyat, ugama dan negara.

Bagi calun-calun yang tidak terpilih khasnya, dan waris-waris yang berkenaan amnya hendaklah menerima keputusan ini dengan hati yang bersih dan mengenepikan sikap yang boleh merosakkan hubungan baik dan kemesraan.

Pepatah yang mengatakan "Pecah saudara kerana ringgit, pecah waris kerana pesaka" tidak harus dibiarkan berlaku.

Dengan taufik dan hidayah serta dengan lempah keizinan Allah, kami telah menimbangkan dengan sehalus-halusnya dengan sukacita kami melantek dan mengistiharkan:-

ABDUL MANAF BIN MUSTAFA ........................................ Dato' Raja Diraja,

dan

PADUKA ABU KASIM B AB. RAHMAN ........................................ Dato' Seri Maharaja.

..........................

DATO' SEDIA RAJA,
UNDANG LUAK REMBAU.

Termaktub

tipon: 237 Balai Rembau
284 Balai Nerasau

Bil.: ( 33 )dlp.BUR.1/75

(33)

BALAI UNDANG, REMBAU
Negeri Sembilan.

........................................

........................................

........................................

Warkah tulus ikhlas daripada kami Dato' Sedia Raja Haji Adnan bin Haji Ma'ah, Undang Luak Rembau di Balai Undang Rembau.

Mudah-mudahan barang diwasalkan oleh Tuhan Seru Sekelian Alam ke majlis Yang Mulia Encik Ahmad Kamal bin Mohd.Sahaja, Pegawai Daerah Rembau di Pejabat Daerah Rembau, adalah dengan beberapa selamatnya.

Kemudian daripada itu adalah kami dengan sukacitanya memaklumkan bahawa pada hari Selasa bersamaan 2hb.September,1975 pukul 10.00 pagi, kami telah melantik seorang Orang Besar Undang dan seorang Dato' Lembaga iaitu:

(1) Encik Abdul Manap bin Mustapha, I/c 3405548 menjadi DATO' RAJA DIRAJA - Orang Besar Undang Luak Rembau, menggantikan Allahyarham Dato' Raja Diraja Mohd.Dom bin Yassin;

(2) Paduka Abu Kassim bin Abd.Rahman, I/c 1306632 menjadi DATO' SERI MAHARAJA - Lembaga Tiang Balai Sebelah Darat bagi suku Paya Kumboh, menggantikan Allahyarham Dato' Seri Maharaja Othman bin Meon.

Jawatan yang pertama (1) ada berpencen sebanyak $240.00 sebulan dan jawatan yang kedua (2) adalah berpencen sebanyak $39.60 sebulan.

Maka dengan hal yang demikian inilah dimaklumkan untuk dipanjangkan ke pengetahuan pihak yang berkenaan bagi pembayaran pencen yang tersebut.

Sekianlah dimaklumkan, disudahi dengan wassalam jua adanya.

( DATO' SEDIA RAJA HAJI ADNAN BIN HAJI MA'AH )
Undang Luak Rembau.

Termaktub di Pejabat Balai Undang Luak Rembau,
Rembau, Negeri Sembilan.

Pada 6 haribulan September, 1975.

*Talipon:* REMBAU: 225
*Ta rap:* DISTOFF
*Bil.*(16)dlm.PDR/0280

**PEJABAT DAERAH**
REMBAU.

34

29hb.Ogos, 1975.

Ke Majlis,
Yang Teramat Mulia,
Dato' Sedia Raja Haji Adnan bin Haji Maah,

Warkah tulus iklas daripada kami Ahmad Kamal bin Mohd Sahaja, Pegawai Daerah Rembau.

Mudah mudahan barang diwasalkan oleh Tuhan Seru Sekelian Alam ke Majlis Y.T.M. Dato' Sedia Raja Haji Adnan bin Haji Maah Dato' Undang Luak Rembau adalah dengan beberapa selamat dan kesejahteraan nya.

Ehwal ini dimaklumkan bahawa surat Y.T.M. Dato' bertarikh 25hb. Ogos, 1975 berkenaan perlantikan Dato' Lembaga Baru telah selamat diterima dan diucapkan terima kaseh. Maka sukacita memaklumkan bahawa kami akan hadir di Pejabat Balai Undang Dato' pada 2/9/75 jam 10.10 pagi untok menyaksikan upacara perlantikan itu.

Hal demikian kami maklumkan dan disudahi dengan wassalam serta ingatan selamat adanya.

Saya yang menurut perintah,

(AHMAD KAMAL BIN MOHD.SAHAJA)
Pegawai Daerah,
Rembau.

Rembau
SEP 1975
Negeri Sembilan

35

(35)dlm.BUR.1/75

BALAI UNDANG LUAK REMBAU,
NEGERI SEMBILAN.

17hb.Disember,1975.

Ke majlis Yang Mulia:

Semua Orang Besar
Lembaga Tiang Pesaka &
Lembaga Dilantik & Baruh,

Yang Mulia Dato',

Istiadat Mengadap Bagi Dato' Lembaga Yang Baharu Dilantik: Dato' Raja Diraja & Dato' Sri Maharaja

---

Saya disabdakan oleh ke bawah kaus Yang Teramat Mulia Dato' Sedia Raja, Dato' Haji Adnan bin Haji Ma'ah, Undang Luak Rembau dengan hormatnya mempermaklumkan iaitu ke bawah kaus Undang Dato' adalah menetapkan tarikh bagi istiadat yang tersebut di atas akan diadakan di Balai Kediaman Undang Luak Rembau pada hari Sabtu 20hb.Disember,1975 jam 3.00 petang.

Saya disabdakan seterusnya mempersilakan Yang Mulia Dato' hadir sama dalam sitiadat yang tersebut.

Hal demikianlah dimaklumkan, disudahi dengan ingatan selamat dan wassalam jua adanya.

Saya, dengan sabda,

( HUSEN BIN KASIM )
Setiausaha Kepada
Y.T.M. Undang Luak Rembau.

(36)

(36)dlm.BUR.1/75

Negeri Sembilan.

18hb.Disember,1975.

Yang Mulia:
Tuan Inspektor Kawasan,
Balai Polis Diraja,
Rembau

Saya disabdakan oleh ke bawah kaus Yang Teramat Mulia Dato' Sedia Raja, Dato' Haji Adnanb bin Haji Ma'ah, Undang Luak Rembau dengan hormatnya memaklumkan iaitu suatu Istiadat Menerima Mengadap bagi Dato' Lembaga yang baharu dilantik (Dato' Raja Diraja dan Dato' Sri Maharaja) akan diadakan di Balai Kediaman Y.T.M. Undang Dato' pada hari Sabtu bersamaan 20hb.Disember,1975 jam 3.00 petang.

Oleh hal yang demikian saya disabdakan seterusnya untuk meminta kerjasama pihak tuan menghantar anggota polis untuk berkawal di Balai Kediaman pada hari tersebut.

Sekianlah dimaklumkan, disudahi dengan ucapan terimakasih dan wassalam jua adanya.

Saya, dengan sabda,

( HUSEN BIN KASIM )
Setiausaha Kepada
Y.T.M. Undang Luak Rembau.

(37)dlm.BUR.1/75
Tel: 786237

(37)

Lampiran 'D'

(PEGAWAI PEGAWAI KERAJAAN/KELUARGA)

SURAT PENGENALAN DAN AKUAN
(P.A. "F" 25)

~~[illegible]~~/PEGAWAI PERUBATAN Y/M HOSPITAL BESAR/
~~[illegible]~~

SEREMBAN.
..............................

Tuan,

Pembawa surat ini ~~[illegible]~~ .......DATO' RAJA DIRAJA ABD.MANAF BIN MUSTAFA.........................

No. Kad Pengenalan ..........3405548.......... ialah saorang Orang Besar Undang ~~[illegible]~~ Pejabat ini. Gaji bulananya adalah sebanyak $ 543.12...

2. Ibu Pegawai* ~~[illegible]~~ pegawai ini bernama ................

HJH.MINAH BT LANJONG....... No.Kad Pengenalan 0233340..... memerlukan

rawatan/pemeriksaan. Harap ini dapat dipenuhi.

Tarikh: 28hb.Mei,1979.

Cap Resmi
Jabatan.

.......................
Tandatangan Ketua Jabatan
DATO' SEDIA RAJA
Undang Rembau
Negeri Sembilan.

(PENGAKUAN PEGAWAI BAGI DIRI/KELUARGA)

Saya mengaku bahawa ..................................................
adalah ahli keluarga saya HJH.MINAH BT.LANJONG KP/0233340

2. Dengan ini juga saya membenarkan Ketua Jabatan untuk memotong gaji saya bagi menjelaskan apa-apa bayaran hospital atau perubatan yang mungkin dikenakan kerana rawatan/pemeriksaan ini.

Tandatangan Pegawai: ..........................

Nama Penuhnya: Dato' Raja Diraja Abd.Manaf bin Mustafa

Jabatan: Balai Undang Rembau.

Jawatan: Orang Besar Undang (Dato' Raja Diraja).

Tarikh: 28.5.1979.

(Am 115)
(Pind. 10/67)
**ASAL**

KERAJAAN N/S

Harap jelaskan bil ini dalam masa 14 hari dari tarikh ianya dikeluarkan dan nyatakan nombor bil bila membuat pembayaran

(38)

B 980602

*Kapada* Dato' Sedia Raja,
Undang Rembau, N. Sembilan.

Sila sempurnakan bayaran untok perkhidmatan yang tersebut di-bawah dengan sa-berapa segera. Chek, Kiriman Wang, atau Wang Pos mesti-lah di-palang dan di-buat supaya di-bayar kapada PENGUASA PERUBATAN HOSPITAL BESAR SEREMBAN

| Tarikh | Rujokan Tuan | Rujokan Kami | Kelas: IC Butir² rengkas | Banyak-nya $ | c. |
|---|---|---|---|---|---|
| 27.7.79 | | 13655 / 246A | Bayarnn Hospital bagi Hj. Minah bt. Lanjeng | | |
| | | | Dari 28.5.79 [illegible] 8.6.79 (9am) 11 hari | | |
| | | | dengan kadar 25.00 sahari. | 250 | 00 |
| Ibu/Kpd: Dato Raja Di Raja | | | w.e.f. to Ist. Class 29.5.79 (6.30pm) w/ch. | ~~275~~ | ~~00~~ |
| Abd. Manaf b. Mustafa | | | Treatment | 55 / ~~60~~ | 00 / ~~00~~ |
| | | | E.C.G. | 37 | 50 |
| | | | (Rgt: Empat ratus lapan X-Ray | 50 | 00 |
| | | | puloh dua dan sen Lab. | 90 | 00 |

8 AUG 1979 lima puloh sahaja.) **JUMLAH** 482.50

*Tarikh* ........................ 19 ......

Pembayaran hendak-lah di-'alamatkan kapada:

*(Tandatangan)* [signature]
PENGUASA PERUBATAN
HOSPITAL BESAR
SEREMBAN

INGATAN—Resit rasmi yang bernombor siri hendak-lah di-dapatkan bagi semua bayaran.

S—J.C.K., K.L.

*Talipon:* Pejabat: Rembau 237
Balai Kediaman: Rembau 284

*Bil:* (39)dlm.BUR.1/75

*Rembau* 25hb.Sept. 19 79.

*Kapada* Penguasa Perubatan,
Hospital Besar,
Seremban

بالي اوندڠ، لواق رمبو،
نکري سمبيلن.

(39)

13 رمبو

کفد

Tuan,

Rujukan Tuan: 13655/246A
Bil No.B/980602 ($482.50) Bertarikh
8hb.Ogos,1979.

Saya disabdakan oleh ke bawah kaus Yang Teramat Mulia Dato' Sedia Raja, Undang Luak Rembau dengan hormatnya memohon agar kemudahan dapat diberi kepada yang berkenaan untuk menjelaskan bil tersebut di atas secara beransur-ansur sebanyak 5X bayaran seperti berikut:

| | | | |
|---|---|---|---|
| (1) | Bayaran Bulan | September'79 | $100.00 |
| (2) | " | Oktober'79 | $100.00 |
| (3) | " | November'79 | $100.00 |
| (4) | " | Disember'79 | $100.00 |
| (5) | " | Januari'80 | $ 82.50 |
| | Jumlah: | | $482.50 |

Hal demikianlah dimaklumkan dan diharap agar permohonan ini dapat dipertimbangkan. Terimakasih.

Saya, dengan sabda,

( HUSEN BIN KASIM )
Setiausaha Kepada
Y.T.M. Undang Luak Rembau.

s.k.

Y.M. Dato' Raja Diraja Abd.Manaf bin Mustafa,
(Orang Besar Undang),
Kg.Berkat - Chembong, Rembau.

(40)

Bil. Kami: No. (84) dlm HB/S

Bil. Tuan:

No. Tel.: S'ban:

PEJABAT
HOSPITAL BESAR,
SEREMBAN

Seremban, 9hb.Okt, 1979.

Setiausaha Kepada
Y.T.M. Undang Luak Rembau,
N.Sembilan.

u.p. Encik Husen b Kasim.

Per: Bil No. B 980602 ($ 482.50) bertarikh 8.8.79.

Tuan,

Merujuk kepada surat tuan Bil (39)dlm.BUR.1/75 bertarikh 25.9.79 bersama-sama ini dikembarkan surat potongan bayaran Hospital cara beransur seperti permohonan tuan.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menurut perintah,

Mahmat bt. Husin
b.p. Penguasa Perubatan,
Hospital Besar,
Seremban.

/as.

20/10

Telah sampai ke Pejabat Raja pada 23/10/79

Bil ( / )dlm.HB/S.2729.BHG.VIII.

Bahagian Hasil
Hospital Besar
Seremban.
4.10.79.
...........

ARAHAN KEPADA MAJIKAN SUPAYA MEMOTONG GAJI. PERINTAH AM BAB F (26).

Kepada Majikan: A/Mualia Kpsd.
Y.T.M. Undang Luak Rembau.

.....................................

Bil No: B980602 sebanyak $ 482.50
Nama: H. Mina bt. Lanjang.

Berhubong dengan perkara diatas sila tuan membuat potongan daripada gaji pegawai yang tersebut kerana bayaran Hospital bagi:-

(i) ~~Sendiri~~ Dlm
Kepada Dato Raja Di Raja
(ii) ~~Anak/~~Isteri A. Munaf b. Mustafa.

seperti berikut:-

| | | |
|---|---|---|
| Januari 1980 | $ 100.00 | 1/2 |
| Februari 1980 | $ 82.50 | |
| Mach | $ 100 | |
| April | $ 100.00 | |
| Mei | $ 100.00 | |
| Jun | $ 100.00 | |
| Julei | $ 82.50 | = 482.50 |
| Ogos | $ ......... | |
| ~~September 1979~~ | ~~$ 100.00~~ | |
| Oktober 1979 | $ 100.00 | 1/2 |
| Nobember " | $ 100.00 | |
| Disember " | $ 100.00 | |
| Jumlah: | $. 482.50 | |

Bil berkenaan dikembarkan bersama-sama ini.

Terima kasih.

(signature)

b.p. Pengarah Perubatan
Hospital Besar
Seremban.

s.k. Pegawai yang berkenaan.

/as.